



اوتو سبقي تيكولوگي مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

**TEMUBUAL SEJARAH LISAN MENGENAI SEJARAH KAMPUNG TEBING TINGGI  
SEGAMAT JOHOR**

**BERSAMA TUAN HAJI HASSAN BIN RAJA ATAN DAN ENCIK MOHAMAD BIN ALI**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**NURUL SHAMSHIDA BINTI MOHAMAD ZUBAI (2016648698)**

**SITI HAJAR BINTI AZIS (2016648668)**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

**DOKUMENTASI SEJARAH LISAN - IMR 604**

**SEMESTER 05 (SEPT 2017-JAN 2018)**

## ISI KANDUNGAN

### PENGHARGAAN

1.0 ABSTRAK .....	1
2.0 SINGKATAN KATA .....	2
3.0 BIODATA PENULIS.....	3
4.0 PENGENALAN .....	5
5.0 TRANSKRIP WAWANCARA .....	16
6.0 LOG WAWANCARA .....	71
7.0 BIODATA TOKOH .....	76
8.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA .....	78
9.0 RALAT .....	91
10.0 RUMUSAN .....	92
11.0 SENARAI RUJUKAN .....	94
12.0 LAMPIRAN .....	95
13.0 INDEKS .....	100

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Alhamdulillah. Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah s.w.t yang telah memberikan rahmat dan kesihatan yang baik kepada kami dan dengan izin-Nya kami dapat menyiapkan tugas wawancara yang diamanahkan berkenaan penulisan transkrip untuk subjek IMR604 – Dokumentasi Sejarah Lisan dengan jayanya pada masa yang ditetapkan.

Kami juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah subjek IMR604 – Dokumentasi Sejarah Lisan, iaitu Encik Zul Azmi Bin Ishak yang begitu sabar mengajar kami sepanjang semester lima ini. Beliau telah memberi pertolongan, tunjuk ajar serta galakan dan maklumat kepada kami bagi menyiapkan tugas ini. Tanpa pengawasan dan bimbingan dari beliau kepada kami pasti berhadapan dengan pelbagai masalah dan tentu begitu sukar bagi kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Tidak dilupakan juga, kami ingin mengucapkan jutan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami yang telah banyak memberikan sokongan moral, doa dan nasihat yang tidak putus-putus dari jauh.

Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami tujukan kepada Encik Haji Hassan Bin Raja Atan dan Encik Mohamad Bin Ali yang menjadi pengkisah dalam penulisan transkrip kami ini. Terima kasih diucapkan diatas kesudian mereka meluangkan masa dan memberi kerjasama kepada pihak kami. Kerjasama dan komitmen yang begitu jitu yang telah dihulurkan oleh mereka ini telah banyak memberi impak yang positif dimana memudahkan kami mendapatkan maklumat yang diperlukan. Sesungguhnya kami sangat menghargai jasa mereka dalam membantu kami. Akhir sekali, sekali lagi kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah, rakan-rakan seperjuangan serta semua yang telah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu kami. Allah sahaja yang dapat membalas jasa anda sekalian.

Terima kasih.

# **ABSTRAK**

## 1.0 ABSTRAK

*Kampung Tebing Tinggi Segamat Johor adalah sebuah kampung yang di bawah Dewan Undangan Jementah. Encik Mohamad Bin Ali adalah Ketua Kampung Tebing Tinggi dan di bantu oleh setiausahanya Encik Abd Razak Bin Abd Malik adalah setiausaha beliau yang banyak membantu perihal Kampung Tebing Tinggi. Keluasan kampung ini dianggarkan seluas 100 Ekar Persegi dan terdapat lebih kurang 300 orang penduduk di dalam kampung. Perkerjaan utama penduduk kampung ini ialah sebagai peladang, pertanian dan perikanan dan ada diantara mereka mengusahakan lading temakan, ladang getah dan ladan kelapa sawit. Kampung Tebing Tinggi juga ada lah sebuah kampung yang sangat aktif dari segi penganjuran berbagai program juga sering mengalakkan orang luar untuk datang melalukan aktiviti disini. Terdapat pelbagai keunikan serta sejarah yang menarik terdapat di Kampung Tebing Tinggi. Tuan Haji Hassan Bin Raja Atan. Yang banyak mengetahui perihal kampung.*

**Kata kunci:** Kampung Tebing Tinggi, Sejarah Dan Keunikkan

# **SINGKATAN KATA**

## 2.0 SINGKATAN KATA

IPTA [Institut Pengajian Tinggi Awam]

IPTS [Institut Pengajian Tinggi Swasta]

JKR [Jabatan Kerja Raya]

JKK [Jawatankuasa Keselamatan Kampung]

OKU [Orang Kurang Upaya]

SAJ [Syarikat Air Johor]

SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]

TNB [Tenaga National Berhad]

UiTM [Universiti Teknologi Mara]

UMNO [United Malays National Organisation]

UPSR [Ujian Pencapaian Sekolah Rendah]

UTM [Universiti Teknologi Malaysia]



# **BIODATA PENULIS**

### 3.0 BIODATA PENULIS



**NAMA** : SITI HAJAR BINTI AZIS

**NO. ID UiTM** : 2016648668

**UMUR** : 23 TAHUN

**TARIKH LAHIR** : 22 OKTOBER 1994

**TEMPAT LAHIR** : HOSPITAL TELUK INTAN

**NO. TELEFON** : 0193664526

**ALAMAT RUMAH** : LOT 1408, JALAN KILANG PADAI LAMA, KAMPUNG SUNGAI  
JEJAWI, 36000 TELUK INTAN, PERAK



**NAMA** : NURUL SHAMSHIDA BINTI MOHAMAD ZUBAI  
**NO. ID UiTM** : 2016648698  
**UMUR** : 22 TAHUN  
**TARIKH LAHIR** : 02 OGOS 1995  
**TEMPAT LAHIR** : HOSPITAL BALING  
**NO. TELEFON** : 0135058642  
**ALAMAT RUMAH** : KAMPUNG POKOK SETOL, MUKIM SIONG, 09100 BALING  
KEDAH

# **PENGENALAN**

#### 4.0 PENGENALAN

Dokumentasi Sejarah Lisan merupakan salah satu subjek yang begitu mementingkan pemeliharaan sejarah yang belum pernah direkodkan sebelum ini dan merupakan bukti pengalaman atau memori kepada beberapa peristiwa yang bersejarah. Dengan wujudnya sejarah lisan ini, sedikit sebanyak dapat mempertambahkan koleksi rekod asli daripada individu yang pernah terlibat atau berpengalaman terhadap beberapa sejarah penting atau yang memberi impak kepada negara. Maka dengan adanya rekod sejarah lisan ini dapat membantu beberapa bahagian terutamanya bahagian pendidikan untuk mendapatkan sumber maklumat sebagai bahan rujukan.

Sejarah lisan ini sangat berguna terutamanya kepada Persatuan-Persatuan Sejarah Lisan di negara ini kerana dapat memudahkan maklumat yang diperolehi daripada temubual atau wawancara yang dijalankan. Kecekapan dan usaha yang tinggi penemubual dapat membantu individu-individu yang diwawancara untuk memberikan maklumat secara tepat dan terperinci tentang sesuatu soalan yang diajukan oleh penemuramah.

Tempat yang dipilih biasanya terdiri daripada kampung yang mempunyai maklumat bersejarah dari peristiwa dan sejarah yang berlaku pada zaman dahulu. Sejarah lisan yang direkodkan ini merupakan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada seorang Imam Masjid Kampung Tebing Tinggi iaitu Tuan Haji Hassan Bin Raja Atan dan Ketua Kampung Tebing Tinggi, Encik Mohamad Bin Ali. Sehingga kini, sejarah lisan ini telah terbukti dapat memberikan nilai ketepatan yang tinggi kepada penggunaannya kepada masyarakat.

Hasil temubual bersama Tuan Haji Hassan Bin Raja Atan yang merupakan seorang Imam Masjid Kampung Tebing Tinggi dan Encik Mohamad Bin Ali iaitu Ketua Kampung Tebing Tinggi yang sangat berpengalaman telah banyak memberi maklumat dan pengalaman baru tentang pengalaman mereka selama menetap di kampung tersebut.

#### 4.1 OBJEKTIF KAJIAN

- ❖ Untuk mengetahui serba sedikit mengenai sejarah Kampung Tebing Tinggi, Segamat.
- ❖ Untuk mengenali lebih dekat individu-individu penting dalam sesebuah kampung.
- ❖ Untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang peranan seorang ketua kampung di dalam sesebuah institusi perkampungan.

#### 4.2 KAEDAH KAJIAN

Kaedah yang telah kami gunakan dalam memastikan perlaksanaan temubual ini adalah berikut:

- ❖ Melakukan pencarian maklumat mengenai kampung melalui pembacaan dari pelbagai sumber seperti internet, jurnal, surat khabar dan buku.
- ❖ Membuat rujukan bersama pensyarah berkaitan langkah-langkah serta nasihat dalam menjalankan kajian temubual bersama wakil kampung iaitu imam masjid dan ketua kampung.
- ❖ Mendapatkan keizinan dan persetujuan daripada ketua kampung melalui surat rasmi serta panggilan telefon.
- ❖ Melaksanakan tiga sesi pertemuan dengan imam masjid dan ketua kampung iaitu sesi pertama adalah untuk sesi suai kenal, sesi kedua adalah proses temubual secara rasmi dengan imam masjid manakala sesi ketiga temubual secara rasmi dengan ketua kampung.

### 4.3 SEJARAH SEGAMAT

Pada kurun ke 16 Masehi, Sultan Ahmad dan pengikut-pengikutnya telah meninggalkan Melaka kerana diserang oleh pihak Portugis lalu bertapak di Pagoh. Setelah diserang di Pagoh mereka telah berundur dengan tujuan ke Penarikan dan kemudiannya ke hilir Pahang. Dalam perjalanan ke Penarikan di pertengahan jalan, di tepi lubok sungai, di seponon kayu besar, Datuk Bendahara Paduka Tuan duduk bersandar di banir kayu menghadap lubuk yang dihadapannya, Sultan Ahmad dan Ayahandanya tidak jauh dari situ, mereka bersama-sama berhenti penat dan berehat selama dua hari.

Sambil duduk, Datuk Bendahara melempar-lempar tangan membuang kebas lalu tercapai olehnya seketul batu lalu ditimang-timangnya. Sambil mukanya berkedut kesal, dirinya berkata "Dahaga rasanya aku, ambilkan air barang seteguk di sungai itu". Sambil berkata ia memandang Selamat Gagah. Selamat Gagah faham bahawa yang dimaksudkan ialah supaya mengambil air sungai itu lalu dicarikannya upih lalu dibuatnya temika. Kemudian diveduknya air hingga penuh lalu diberikan kepada Datuk Bendahara. Sambil tangannya menyambut temika air, batu di tangan dilontar ke lubok sungai, katanya di dalam hati, "Kalau timbul batu itu, baliklah aku ke Melaka". Mendengarkan kata Datuk Bendahara demikian Sultan Ahmad menoleh Datuk Bendahara dengan pandangan yang bererti, tetapi Sultan tidak mengeluarkan sepatah kata pun.

Air di temika diminum sepuas-puasnya oleh Datuk Bendahara, air itu jernih lagi sejuk, "SEGAR AMAT" ku rasa badan ini, sungguh lazat diminum, apakah nama sungai ini Selamat?". "Tidak hamba ketahui, kerana baru sekali ini bersua." "Ya, SEGAR AMAT, ku rasa seolah-olah tenagaku pulih semula." Kata Datuk Bendahara. "Ya, SEGAR AMAT, sungai ini jika airnya di minum." Kata mereka serentak yang meneguknya. "Ya, SEGAR AMAT".

Demikian mulakan Segamat bernama Segamat, hingga datang sekarang disebut orang.

#### Segamat Sebuah Negeri

Buyong Adil di dalam bukunya Sejarah Alam Melayu Penggal V menulis bahawa Segamat adalah sebuah negeri daripada 9 buah negeri yang dikatakan Negeri Sembilan hasil daripada peristiwa di atas. Martin Lister, British Resident Negeri Sembilan pada tahun 1895 - 1897 juga telah menyebutkan Segamat adalah sebuah daripada negeri yang dikatakan Negeri Sembilan masa dahulu yang dikuasai oleh Temenggong Abd. Rahman dan melantik Temenggong Konit untuk mentadbirkan Segamat / Muar mulai tahun 1801.

\*p/s memperolehi maklumat dalam laman **Portal Rasmi Majlis Daerah Segamat**.



**Terdapat tiga laluan bas antarabandar utama yang melalui Daerah Segamat :**

- Yow Hoe (Gemas-Ayer Hitam) (Segamat-Buloh Kasap-Batu Anam-Gemas)
- Utara - Barat Johor (Segamat-Muar)
- Kenderaan Bas MARA DARA (Segamat-Muadzam Shah)

Segamat merupakan sebuah daerah yang paling tua di negeri Johor yang kaya dengan sejarah silamnya. Sejarah silam daerah Segamat sering dikaitkan dengan kehebatan kerajaan Malim Dewa yang kononnya pada suatu masa dahulu pernah wujud di satu kawasan luas merintangi Kuala Muar hinggalah ke hulu daerah Segamat. Menurut Cikgu Hassan bin Muhammad, seorang ahli sejarah tempatan, Segamat aawalnya dikenali sebagai Rantau Panjang. Pada sekitar tahun 1511, Bendahara Tepok, iaitu bendahara terakhir Melaka dan para pengikutnya telah berundur ke Johor setelah kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque. Bendahara Tepok dan para pengikutnya telah bersepakat untuk berhenti rehat di satu sungai di kawasan tersebut dan meminum air sungai tersebut. Setelah meminumnya, "lantas beliau berkata, Segar amat badanku ini!", dari perkataan ini lah sungai tersebut dinamakan sebagai Srgar Amat, yang mana kemudiannya berubah menjadi Segamat seperti hari ini.



Walaupun begitu, nama tersebut hanya digunakan untuk sungai tersebut sahaja. Petempatan yang menjadi pusat bandar segamat asalnya dikenali sebagai Rantau Panjang. Pada awal abad ke 20, barulah bandar tersebut mengambil nama sungai itu sebagai ganti nama Rantau panjang kepada Segamat. Penghujung abad ke -19, empat daerah asal Johor mempunyai beberapa daerah kecil, contohnya daerah asal Muar yang mempunyai 4 daerah kecil – Parit Jawa, Chohong, Lenga dan Segamat. Pegawai Daerah Kecil Segamat yang pertama adalah Encik Menthol bin Haji Ahmad. Pada 1933, daerah penuh Segamat ditubuhkan setelah persempadanan semula oleh kerajaan Johor bagi memisahkan empat daerah asal (Muar, Batu Pahat, Johor Bahru dan Sedili) kepada 8 daerah (sebelum persempadanan tahun 2008 yang menambah daerah Kulaijaya dan Ledang untuk membentuk 10 daerah). Selepas pembentukan Daerah Segamat, pembangunan semuma Segamat telah dilakukan oleh kerajaan terutamanya dengan aktiviti pertanian bagi memajukan ekonomi Segamat. Pembinaan sistem kereta api kebangsaan yang melalui bandar Segamat juga dilakukan. Stesen KTM Segamat ini telah memberi perkhidmatan kereta api bagi daerah Segamat, Ledang dan Muar Johor. Pembinaan jalan utama yang dikenali sebagai Laluan Persekutuan 1 turut dilaksanakan.

Pada 1970-an, Lebuhraya Tun Razak telah dibina bagi memacu ekonomi Segamat sebagai hab pertanian, ianya memendekkan perjalanan ke Kuantan serta untuk menyegerakan proses pembangunan di kawasan mundur di selatan Pahang. Kampus cawangan Johor bagi Universiti Teknologi MARA (UiTM) juga telah dibina di Jementah pada penghujung 1980-an dan memulakan operasinya pada tahun 1991. Pembinaan kampus UiTM di daerah Segamat menjadikan Segamat sebagai satu lagi hab pendidikan utama di Johor selain Skudai yang menempatkan Universiti Teknologi Malaysia. Pada 1996, Pelabuhan Darat Segamat juga turut dibina bagi menjadikan Segamat satu lagi hab pengangkutan utama, sebagai mana Nilai di Negeri Sembilan. Dengan pembinaan pelabuhan darat ini, pengilang hanya perlu menghantar barang ke Pelabuhan Darat Segamat dan kemudian barang tersebut akan dihantar ke pelabuhan terdekat seperti Pasir Gudang melalui kereta api.

Pada tahun 1999, jambatan kedua Segamat, telah dibina bagi mengurangkan kesesakan di jambatan utama. Jambatan tersebut dimasukkan sebagai sebahagian pakej Jalan Lingkaran Dalam Segamat yang terdiri daripada kerja naik taraf kepada jalan 4 lorong di Jalan Pemuda, Jalan Hassan, Jalan Pee Kang Hai dan Jalan Chia Chin Koon, siap pada Ogos 2005. Jalan lingkaran dalam tersebut amat berguna bagi mengalihkan aliran lalu lintas apabila jalan-jalan utama di pusat bandar ditutup bagi upacara khas seperti Hari Kebangsaan.

#### 4.4 SEJARAH KAMPUNG TEBING TINGGI

Kampung Tebing Tinggi Segamat Johor. Berdasarkan cerita yang disampaikan oleh Tuan Haji Hassan Bin Raja Atan mengatakan Kampung Tebing Tinggi ini mendapat nama sempena ada sebuah tebing yang tinggi di belakang rumah beliau yang bila boleh nampak bandar segamat oleh itu, nama kampung ini di beri nama Kampung Tebing Tinggi. Kampung ini mula ditubuhkan berdasarkan cerita orang dulu yang mengata kampung ini diwujudkan berdasarkan sebuah makan yang diberi nama makam Sheik Al-Maghribi yang mengajar berkenaan islam. Kampung ini jaga oleh Encik Mohamad Bin Ali yang merupakan Ketua Kampung Tebing Tinggi pada masa ini

Keluasan kampung ini dianggarkan seluar 100 ekar persegi adan penduduk di dalam kampung ini lebih kurang 300 orang penduduk. Perkerjaan utama penduduk kampung ialah, menanam kelapa sawit dan getah, mereka juga mempunyai ladang ternakan seperti ayam dan lembu.

Di Kampung Tebing Tinggi terdapat sejarah dan mitos tersendiri. Sejarah yang sering menjadi perbualan hangat adalah berkenaan sejarah mujudnya rumah pasong yang dulu di gunakan sebagai salah salah sebuah balai polis.

##### Perihal Balai Polis Segamat

Terdapat dua buah balai polis atau pada awalnya dikenali sebagai rumah pasong di dalam daerah Segamat yang terawal dibina. Maklumat yang diperolehi setakat ini berdasarkan rujukan yang ada, Balai Polis Tebing Tinggi sudah wujud pada tahun 1834. Manakala dari rujukan kiriman surat antara Tengku Nong/Omar/Busu kepada Dato' Jaffar Bentara Johor iaitu ketua Balai Polis Segamat pada bulan Ogos 1877. Ini bermakna dianggarkan Balai Polis Segamat sudah wujud sezaman Balai Polis Tebing Tinggi. Surat pada bulan April 1879 pula telah tercatat En. Ismail sebagai ketua Balai Polis Segamat ketika itu. Pada tahun tersebut Bandar Segamat dikenali sebagai Kg. Rantau Panjang, Mukim Sungai Segamat, Muar. Maklumat yang terkini diperolehi bangunan kayu Balai Polis tersebut masih wujud sekarang ini. Kayu-kayu tersebut telah digunakan untuk menggantikan kayu sekolah asal Government English School (GES) di Jalan Abdullah, Segamat.



**Gambar ihsan Balai Polis 1917: Raja Abdul Rahman Raja Basok**

Menurut kejadiannya, Kampung Tebing Tinggi dan Kampung Batu Badak adalah tempatnya Kerajaan Melayu Lama Segamat mula-mula bertapak ketika dibawah pemerintahan Raja-raja Temenggong Muar. Sekitar 1834 ramai orang Segamat mula berniaga hasil-hasil hutan. Ketika itu dianggarkan penduduk Segamat hanya 2,400 orang sahaja. Pada tahun itulah beberapa rumah pasong telah didirikan di Tebing Tinggi dibawah penyeliaan menterinya Allahyarham Encik Musa bin Muhammad Akil.

Menurut cerita Tuan Imam Haji Hassan, rumah pasong itu pada asalnya hanya lah berlantaikan dari buluh, berdinginkan kulit kayu dan berbumbungkan daun rumbia. Rumah pasong ini adalah yang paling lama sekali didalam Daerah Segamat. Pada tahun 1916 penambahbaikan pada rumah pasong tersebut kerana telah mencapai kemasyhurannya sehingga tercipta sebuah pantun.

***“Rumah Pasong Tebing Tinggi,***

***Nampak Dari Kuala Segamat,***

***Sudah Terlangsung Saya Ke Mari,***

***Mudah-Mudahan Beroleh Selamat”.***



**Bekas Tapak Rumah Pasong (Balai Polis) Segamat (Kg.Tebing Tinggi.**



**Di dalam kawasan kampung tebing tinggi terdapat Pusat Latihan dan Rekreasi FELCRA (PLRF)**

Pusat Latihan dan Rekreasi FELCRA (PLRF) Tebing Tinggi terletak di KM 12, Jalan Segamat - Muar dan merupakan sebuah pusat latihan yang dimiliki sepenuhnya oleh Syarikat FELCRA Berhad dan diuruskan oleh FELCRA Training And Consultancy Sdn. Bhd.(FTC) iaitu salah sebuah anak syarikat FELCRA Berhad yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Ia dibina pada tahun 1994 bagi menyediakan kemudahan-kemudahan latihan dan rekreasi yang berkualiti. PLRF berfungsi sebagai sebuah Institusi Latihan yang menyediakan pakej-pakej latihan, kursus serta aktiviti rekreasi yang boleh mengembangkan potensi sumber manusia kearah kecemerlangan serta mencapai potensi ilmu yang tinggi.

Pusat Latihan ini juga mempunyai kepakaran di dalam menyediakan kemudahan latihan dan rekreasi yang bermotifkan keuntungan dan memenuhi kehendak pelanggan. Ia menjadi pilihan kepada Syarikat-syarikat, Jabatan Kerajaan, Pertubuhan serta Persatuan jika mereka ingin mengadakan program latihan di sini. Bagi mereka yang tinggal di Segamat dan sekitarnya, Pusat Latihan ini sentiasa menjadi sebutan dan kepada mereka yang pernah menggunakannya tidak pernah merasa kecewa dan berpuashati kerana mempunyai kemudahan yang lengkap serta prasarananya yang selamat dan bertaraf nasional serta harga yang berpatutan.

Proses membangunan sesuatu kawasan memerlukan banyak pengorbanan dari semua pihak yang terlibat dari segi tenaga mahupun wang ringgit. Semua pihak yang terlibat telah melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan untuk menjadikan kampung sebagai kampung yang maju mengikut peredaran zaman. Permuafakan, perpaduan, toleransi, kerjasama adalah nilai-nilai yang diterapkan oleh pihak, JKK kampung Tebing tinggi bagi mencapai pembangunan social, ekonomi, dan fizikal yang mantap dan seimbang.



**Pusat Latihan dan Rekreasi FELCRA (PLRF) Tebing Tinggi .**

**4.5 ORGANISASI PENTADBIRAN KAMPUNG JKKK**
**INFO JKKK**

<b>JAWATAN</b>	<b>NAMA</b>
<b>Penaung :</b>	Pegawai Daerah Segamat
<b>Penasihat</b>	Penghulu Mukim Jementah
<b>1. Pengerusi</b>	Mohamad Bin Ali
<b>2. Timbalan Pengerusi</b>	Tiada
<b>3. Setiausaha</b>	Wan Abdul Rahman Bin Ali.
<b>4. Bendahari</b>	Hj. Esa Bin Hj. Ayub
<b>5. Ahli Jawatan Kuasa:</b>	
<b>a. Biro Wanita</b>	Puan Hamidah Bte Hashim
<b>b. Biro Belia</b>	Yaakob Bin Othman
<b>c. Biro Agama</b>	Hj. Hassan Bin Raja Atan
<b>d. Biro Kebajikan</b>	En Ramli Bin Md Yunos
<b>e. Biro Ekonomi</b>	Hj Esa Bin Hj Ayub
<b>f. Biro Teknologi Maklumat</b>	Yaakob Bin Othman
<b>g. Biro Pendidikan</b>	Wan Abdul Rahman Bin Ali
<b>h. Biro Keselamatan</b>	Malek Bin Hashim.

# TRANSKRIP



## 5.0 TRANSKRIP WAWANCARA

### PENEMUBUAL

1. SITI HAJAR BINTI AZIS [SHA]
2. NURUL SHAMSHIDA BINTI MOHAMAD ZUBAI [NSMZ]

### SESI PERTAMA

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Tebing Tinggi. Beliau merupakan antara individu yang lebih mengetahui susur galur kampung Tebing Tinggi. Beliau turut menjadi orang penting dalam mengesahkan sejarah kampung ini. Bersama saya pada waktu ini Tuan Haji Hassan Bin Raja Atan, iaitu imam masjid kampung Tebing Tinggi. Rakaman ini dikendalikan di masjid Tebing Tinggi pada 7 Disember 2017 jam 2.30 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya Siti Hajar Binti Azis dan sahabat saya Nurul Shamshida Binti Mohamad Zubai. Dengan ini saya memulakan wawancara tersebut.

Wawancara dimulakan.

**Siti Hajar : Assalamualaikum Encik.**

Imam Hassan : Waalaikummussalam warahmatullahi wabarakatuh.

**Siti Hajar : Pertama sekali boleh Encik nyatakan nama penuh Encik?**

Imam Hassan : Nama penuh saya ialah Tuan Haji Hassan Bin Raja Atan.

**Siti Hajar : Di kampung ini Encik dikenali sebagai apa? (Bunyi motosikal)**

Imam Hassan : Saya dikenali sebagai imam di masjid ini.

**Siti Hajar : Bolehkah saya gunakan panggilan tersebut dalam perbualan ini?**

Imam Hassan : Boleh. Inshaallah.

**Siti Hajar : Nyata err berapakah umur imam sekarang?**

Imam Hassan : Setakat yang sah yang dilahir umur saya sekarang dah [sudah] masuklah lapan puluh [80] tahun. (Bunyi kertas)

**Siti Hajar : Tarikh lahir imam?**

**Imam Hassan** : Tarikh lahir lapan (8) haribulan sembilan (9) sembilan belas tiga puluh tujuh (1937). --- 80 lah umur saya.

**Siti Hajar : Tempat lahir?**

**Imam Hassan** : Tempat lahir ialah lahir di Segamat iaitu bukan di kampung Tebing Tinggi, saya dilahirkan di Mukim Buloh Kasap, Segamat.

**Siti Hajar : Pada tahun bilakah imam mula datang ke kampung ini?**

**Imam Hassan** : (Bunyi motosikal) Saya berhijrah di kampung ini setelah saya ditemukan jodoh dengan isteri saya Puah Hajah Rahmah Bin Haji Idris iaitu pada tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan (1999). Aaa

**Siti Hajar : (Bunyi motosikal) Atas sebab apa imam datang ke kampung ini?**

**Imam Hassan** : Sebab yang pertama sekali adalah saya telah dijodohkan pertemuan saya ini.

**Siti Hajar : Sudah lamakah imam menetap di rumah ni?**

**Imam Hassan** : Sejak daripada tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan (1999) bererti sekarang lebih kurang aaa tujuh belas (17) (sedang mengira berapa lama).

**Rakaman diberhentikan seketika**

**Rakaman disambung semula**

**Siti Hajar : Sudah lamakah Imam menetap di kampung ni?**

**Imam Hassan** : Lebih kurang 48 tahun lah.

**Nurul Shamshida : Imam berasal dari orang mana?**

**Imam Hassan** : Saya berasal keturunan bapak saya dulu [dahulu] berasal daripada Siak. Iaitu sebuah negara di dalam Indonesia dan ceritanya walaupun saya kadang was-was masa itu betul ke bapa aku ini keturunan raja. Tapi bukti-bukti bapak [bapa] ini sebagai seorang raja nyata. Contohnya bapak saya Raja Atan Bin Raja Ismail, yang datang adik dia Raja Ali Bin Raja Ismail dan anak sedara Raja Isa, semua raja-raja, satu. Yang kedua arwah bapak [bapa] saya dulu [dahulu] datang

daripada sana ada bawak keris, ada bawak sundang, ada bawak lembing, senjata orang dulu-dulu lah. Jadi arwah bapak saya ini pada masa itu di Siak sana siapa kuat jadi raja. (Batuk) Jadi kalau macam itu kita bawak lah diri dik [adik]. Nama adik dia Raja Ali lah. Kita larilah ke tanah melayu ini. Tak [Tidak] guna kita bunuh bunuh. Haa. Sebelum daripada itu dia pindah ke Indera Giri, nama tempat. Sampai sekarang pekan, Pekan Baru nama itu. Itu cerita dia. Memang asal memang bapak [bapa] saya keturunan Raja Siak. Mengikut sejarah asal yang memerintah Johor Raja Siak lah, tapi siapa kuat jugak [juga] ini, Bugis ambil. Haa itu cerita dia.

**Siti Hajar : Imam mempunyai berapa bilangan adik beradik?**

**Imam Hassan:** Saya dua (2) orang adik beradik tapi setelah adik saya telah pun meninggal dunia adik perempuan lah. (Bunyi cicak). Cuma saya seorang lah yang tinggal sekarang. Takde [Tiada] adik beradik lagi dah.

**Siti Hajar : Imam anak ke berapa?**

**Imam Hassan:** Saya anak yang pertama. Dan yang pertama lah.

**Siti Hajar : Setiap petang apakah aktiviti yang Imam selalu lakukan?**

**Imam Hassan:** Sebagai seorang imam tak [tidak] lain tak [tidak] bukan adalah memandangkan usia saya dah [sudah] usia emas adalah untuk beribadah kepada Allah taala iaitu ke masjid lah kerja saya selain daripada mengeluarkan peluh dirumah ... kebun-kebun itu saja [sahaja] lah. (Bunyi kertas) Dan saya juga telah dilantik sebagai seorang guru Al-Quran seminggu tiga kali saya mengajar.

**Siti Hajar : Boleh Imam ceritakan sikit tentang latar belakang keluarga Imam?**

**Imam Hassan:** Keluarga saya adalah keluarga biasa lah kaedahnya. Nak [Hendak] dikatakan senang tak [tidak] senang sederhana lah. Dan kelulusan keluarga, isteri saya pun memang dia dulu [dahulu] pernah bertugas sebagai seorang bidan tetapi dioleh sebab tak [tidak] larat nak [hendak] kerja masa itu bekerja di swasta kan dia mohon berhenti. Dan saya sendiri pon dulu [dahulu] pernah sebagai seorang guru lah iaitu mengajar bahasa melayu di Sekolah Cina. Tapi oleh sebab masa itu zaman darurat ... zaman komunis pada tahun lima puluh tujuh (57) lima puluh lapan (58) masih ada lagi darurat ini, jadi saya dihantar ke satu tempat jauh daripada kampung iaitu di kawasan daerah Kluang dalam satu Ladang Estet maka tempat itu terkenal

masa itu adalah kawasan penjahat-penjahat komunis masih banyak lagi saya mohon berhenti. Jadi saya tidaklah bertugas sebagai guru lagi. Itu sahaja.

**Siti Hajar : Adakah adik beradik Imam pun tinggal di kampung ni ?**

**Imam Hassan :** Tidak. Saya seorang saja [sahaja]. Adik saya dah [sudah] meninggal daripada tahun sembilan belas (19). Adik saya meninggal tahun sembilan belas enam puluh tiga (1963) di Batu Anam Segamat. Dia meninggal bersalin anu [merujuk kepada sesuatu] bersalin...

**Siti Hajar : Apa nama ayah imam?**

**Imam Hassan :** Raja Atan Bin Raja Ismail.

**Siti Hajar : Nama ibu imam?**

**Imam Hassan :** Mah Binti Abdul Manan.

**Siti Hajar : (Bunyi motosikal) Apakah pekerjaan ayah imam dulu?**

**Imam Hassan :** Biasa berkebun lah.

**Siti Hajar : Ibu imam pula?**

**Imam Hassan :** Sama.

**Siti Hajar : Adakah Ibu bapa Imam masih ada?**

**Imam Hassan :** Takde [Tiada] sudah lama meninggal dunia.

**Siti Hajar : Ibu bapa imam penduduk disini juga?**

**Imam Hassan :** Bukan. Dia penduduk salah seorang penduduk dalam Daerah Segamat tapi bukan di Kampung Tebing Tinggi ini.

**Siti Hajar : Mereka pernah datang ke sini?**

**Imam Hassan :** Takde [Tiada] dia meninggal ayah dan ibu saya meninggal ayah bapak [bapa] saya iaitu Raja Atan Bin Raja Ismail meninggal tahun sembilan belas enam puluh (1960) dikebumikan dekat Masjid Jamek Buloh Kasap tepi jalan itu dan ibu saya meninggal sembilan belas enam puluh enam (1966) iaitu di kampung sebelum pindah Batu Anam Segamat, Johor. Haa itu lah beza. Adik saya meninggal pada tahun sembilan belas enam puluh tiga (1963).

**Siti Hajar : Siapakah nama isteri Imam.**

Imam Hassan : Yang ada sekarang isteri saya ialah Puan Hajah Rahmah Binti Haji Idris.

**Siti Hajar : Isteri Imam asal dari kampung ini?**

Imam Hassan : Memang berasal dari dari kampung ini.

**Siti Hajar : Sudah berapa lama isteri imam tinggal di kampung ini?**

Imam Hassan : (Bunyi motosikal) Sejak dilahirkanlah 19 tahun 39.

**Siti Hajar : Berapakah umur isteri imam?**

Imam Hassan : Tujuh puluh lapan (78) tahun.

**Siti Hajar : Isteri imam ada berapa orang adik beradik?**

Imam Hassan : Dia ada tiga (3) orang adik beradik. Dua (2) meninggal tinggal dia seorang, serupa dengan saya juga. Tiada adik beradik lagi.

**Siti Hajar : Apakah perkerjaannya?**

Imam Hassan : Suri rumah lah selain daripada dulu [dahulu] sebelum masih dulu [dahulu] masih umur masih segar sihat macam biasa lah kerja menoreh getah di kampung. Haaa kadang-kadang takde [tiada] kerja menunggu mengurus rumahtangga je [sahaja] lah dan menjaga anak cucu. (Bunyi motosikal).

**Siti Hajar : Imam ada berapa orang anak?**

Imam Hassan : Anak itu setakat hari ini isteri yang pertama isteri ini ada lapan (8) orang.

**Siti Hajar : Boleh Imam ceritakan sedikit tentang latar belakang anak-anak Imam?**

Imam Hassan : Anak-anak saya daripada segi kelulusan tidaklah begitu tinggi. Cuma semua yang bersekolah adalah setakat lulus SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saja [sahaja] lah. Dan salah seorang daripada anak saya adalah iaitu pemain bola kebangsaan. Walaupun dia main kelab tapi kira kebangsaan lah. (Bunyi motosikal) Contohnya dulu [dahulu] dia main dengan Kuala Lumpur kelab Kuala Lumpur, sekarang dia main dengan ---. Matikan dulu.

**Siti Hajar : Perkerjaan anak-anak imam?**

**Imam Hassan** : Pekerjaan anak-anak saya anak yang laki-laki [lelaki] seorang ini ialah pemain bola, yang lagi penolong pengurus kilang di Johor Bharu, yang ketiga laki-laki [lelaki] bekerja di polis perlabuhan di Pasir Gudang, yang akhir laki-laki [lelaki] bekerja di kerani di Jabatan Kerja Raya (JKR) Segamat pemain bola juga daerah, dan yang akhir sekali bekerja pengurus Jakel Segamat. Encik Mohamad Rizal Hassan tadi dia pengurus jakel.

**Siti Hajar : Adakah mereka ada tinggal dengan imam sekarang?**

**Imam Hassan** : Tidak. Masing-masing telah dah ada rumah masing-masing dah berumah tangga.

**Siti Hajar : Semua sudah berkahwin?**

**Imam Hassan** : Haa yang seorang adik yang yang duduk dengan awak datang itu. Haa itu dia sakit. Sakit daripada kecil tak [tidak] boleh diubat lagi dah [sudah]. Itu masalahnya.

**Siti Hajar : Adakah mereka----- (Bunyi motosikal)**

**Perbualan diberhentikan seketika.**

**Perbualan dimulakan semula.**

**Siti Hajar : Cucu imam ada berapa orang?**

**Imam Hassan** : Cucu ini kena kira tujuh (7), sebelas (11), sembilan belas (19) orang.

**Siti Hajar : Semua masih kecil?**

**Imam Hassan** : Semua masih kecil. Semua bersekolah.

**Siti Hajar : Siapakah yang menjaga cucu imam?**

**Imam Hassan** : Haa itu ibu bapa masing-masing lah yang menjaganya.

**Siti Hajar : Ada tak [tidak] yang tinggal bersama imam?**

**Imam Hassan** : Yang tinggal ada, yang dirumah dua (2) orang tadi, dia empat (4) semua yang lagi seorang beri [bagi] ke orang bela [jaga]. Anak dia bekerja di klinik Cahaya Segamat. Farmasi Cahaya.

**Siti Hajar : Yang tinggal dengan imam itu masih bersekolah?**

**Imam Hassan** : Sekolah, dua (2) orang.

**Siti Hajar : Sekolah rendah atau menengah?**

**Imam Hassan** : Dia sekolah rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Tebing Tinggi.  
(Bunyi kertas)

**Siti Hajar : Keluarga mertua imam asal dari kampung ini?**

**Imam Hassan** : Memang asal kampung ini. Penghuni kampung ini lah.

**Siti Hajar : Apakah perkerjaan mereka?**

**Imam Hassan** : Memang daripada dulu [dahulu] bercucuk tanam lah.

**Siti Hajar : Boleh imam ceritakan sedikit tentang latar belakang pendidikan imam?**

**Imam Hassan** : Saya bukanlah berkelulusan tinggi sebab tahun sembilan belas lima puluh (1950) saya di sekolah masuk sekolah masa itu Sekolah Melayu Buloh Kasap Segamat namanya. Saya masuk Sekolah Melayu Buloh Kasap tahun sembilan belas empat puluh lapan (1948) haa dan tamat pada tahun sembilan belas lima puluh enam (1956). Selepas itu saya cuma setakat itu tahun empat puluh lapan (48), empat puluh sembilan (49) mana ada sekolah menengah takde [tiada]. Cuma bila sampai darjah enam (6) sekolah melayu pergi sekolah inggeris Segamat ... Segamat. Tapi saya tidak. Cuma saya setakat lulus darjah enam (6) sekolah kebangsaan dulu [dahulu] sekolah melayu dan lulus darjah khas kalau ataupun sekarang dikira darjah tujuh (7) sekolah agama dulu [dahulu]. Haa itu saja [sahaja] lah. Sekolah Agama Buloh Kasap dan melanjutkan pelajaran Sekolah Agama Bandar Segamat tahun sembilan belas lima puluh empat (1954). Haa itu je [sahaja].

**Siti Hajar : Matapelajaran yang imam suka?**

**Imam Hassan** : Memang yang paling saya suka selain daripada budak-budak saya cakap matematik dulu [dahulu] kira-kira kan (bunyi motosikal) dan bahasa arab lah.

**Siti Hajar : Selepas sekolah rendah imam, imam sambung belajar di sekolah mana?**



**Imam Hassan** : Selepas habis sekolah rendah, saya masa itu dipilih sebagai seorang guru di Sekolah Cina Buloh Kasap mengajar bahasa melayu. Masa itu part time [sambilan] lah... ertinya.

**Siti Hajar** : Pada usia berapa?

**Imam Hassan** : Pada usia tahun sembilan belas (19), saya ingat lima belas (15) tahun ke enam belas (16) tahun saya dah [sudah] mengajar. Empat belas (14) lupa lah tujuh belas (17) ke lapan belas (18) tahun macam itu lah. Kemudian saya oleh sebab yang saya cerita tadi di sekolah cina Hwa Chiao Chinese School, Jagoh, Kluang Johor ada kurang guru dia nak [hendak] guru tetap saya dihantar kesana. Malangnya saya tak [tidak] sabar pasal saya tengok kawan-kawan, saudara-saudara kita di tembak oleh .... kaum. Ooo macam ini tak [tidak] boleh. Saya cabut lari saya berhenti. Kalau tak [tidak] ... kalau saya tak [tidak] berhenti rasa saya, saya punya pencen sekarang mau [mahu] dua ribu (2000) lebih. Tak sabar. Tapi walau macam mana pun alhamdulillah apabila saya pulang ke kampung saya dilantik juga sebagai guru bahasa apa bahasa kebangsaan sekolah ci arrrr mengajar malam, mengajar kelas buta huruf, mengajar kelas kampung orang asli di Kampung Puting Buloh Kasap, mengajar kelas dewasa banyak kelas saya mengajar lah. Dan akhir sekali daripada tahun sembilan belas enam puluh lima (1965) saya dilantik sebagai guru Al-Quran sampai lah sekarang.

**Siti Hajar** : Boleh Imam kongsi sikit, mungkin ada pengalaman manis yang Imam tidak dapat lupakan waktu zaman belajar dahulu.

**Imam Hassan** : Yang paling saya tak [tidak] dapat lupakan tahun sembilan belas lima puluh (1950) berlaku di sekolah saya lah di Buloh Kasap. Masa itu apabila seorang murid itu telah banyak ataupun ... membaca Al-Quran sampai lima (5) juzuk ke sepuluh (10) juzuk dia terus naik ke darjah dua (2) sekolah agama. Dan saya pada tahun sembilan belas lima puluh (1950) itu saya terus mewakili Sekolah Agama Buloh Kasap ke pertandingan membaca Al-Quran nur karim peringkat Johor utara buat di Tangkak. Padahal saya baru lebih kurang dua (2) bulan sekolah dah [sudah] mewakili daerah ini. Dan sampai sekarang saya tak [tidak] boleh bila saya ingat itu sejarah memang paling manis pada saya lah. (Bunyi kereta) Walaupun kali pertama saya masuk saya mendapat kejayaan tempat ketiga. Tahun sembilan belas lima puluh (1950) di Sekolah Agama Bandar Tangkak itu punya tempat yang saya bertanding itu untuk Sekolah Agama Johor Utara daripada Muar, Segamat semua pergi ke Tangkak. Jadi saya mendapat kejayaan tempat ketiga pada masa itu



memang lumayan betul lah, bila kata tempat ketiga hadiah takleh [tidak boleh] bawak [bawa] seorang kena sewa beca. Punya hadiah banyak. Tapi bukan lah piala macam ini takde [tiada]. Kadang buku-buku, kitab-kitab. Haa itu saja [sahaja]. Dan pengalaman di peringkat dewasa saya berada disini lah. Saya telah menjuarai err menjuarai tilawah Al-Quran ini sejak daripada tahun sembilan belas tujuh puluh dua (1972) sampailah saya menarik diri lah pada sembilan belas sembilan puluh enam (1996) saya pun menarik diri lah, saya beri pada orang lain pulak [pula] lah. Dan peringkat daerah saya pernah tiga (3) kali lah mewakili apa ini tempat ketiga je [sahaja]. Cuma sipi-sipi kadang peratus, kadang dia punya perpuluhan saya kalah itu. Haa itu lah kenangan manis saya.

**Siti Hajar : Imam ada memegang jawatan di kampung ini?**

**Imam Hassan** : Saya memegang selain daripada imam saya iaitu jawatankuasa JKK iaitu Jawatankuasa Keselamatan Kampung dan jawatankuasa UMNO [United Malays National Organization] [Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu] cawangan lah. Dan dulu saya dilantik penegerusi tetap UMNO ini (bunyi kereta) saya ingat dekat dua puluh (20) tahun lah saya pegang penegerusi tetap UMNO cawangan. Daripada mulanya saya dilantik ketua pemuda, dilantik setiausaha UMNO cawangan, dilantik setiausaha JKK kampung. Macam-macam kalau nak [hendak] cite [cerita] lah, dilantik oleh Risda tanaman semula getah semua saya buat kerja Risda semua saya buat kerja lah.

**Siti Hajar : Berapa lamakah imam bekerja?**

**Imam Hassan** : Bekerja dengan?

**Siti Hajar : Dengan kampung ini?**

**Imam Hassan** : Daripada sembilan belas (19) saya ingat sembilan belas tujuh puluh (1970) saya dah [sudah] mula jawatankuasa itu sampai lah sekarang, jawatankuasa masjid, jawatankuasa kampung, jawatankuasa apa politik kita UMNO lah kan saya masih lagi di guna walaupun saya menarik diri tapi pihak orang kampung kata kalau imam menarik diri bererti salah satu ketempangan buat mereka lah kan. Jadi dah [sudah] tak [tidak] ada orang tua dah [sudah] tak [tidak] ada yang disegani orang termasuk ngan [dengan] saya. Sebenarnya imam ini sudah banyak kali dah [sudah] saya nak [hendak] berhenti tapi penduduk kata kampung, JKK kata kampung, kalau imam berhenti mungkin masjid ini tak [tidak] ada orang. Budak-budak muda minta maaf saya cakap lah tak [tidak] guna cakap cakap disini kan seolah macam tepuk

dulang percik air muka sendiri kan. Dia tak [tidak] kisahny. Orang tua-tua lah yang memubarakkan masjid ini. Saya cakap tapi slow [perlahan] je [sahaja] kan.

**Siti Hajar: Selalunya berapa lama seseorang di beri peluang menjadi Imam di kampung ini?**

**Imam Hassan :** Sebenarnya selagi dia mampu memang kaedahnya diberi peluang lah kalau diri sendiri tapi dia seurrender [tarik diri]. Saya berapa kali sebenar memohon meletak jawatan tapi tak [tidak] diterima oleh pihak jawatankuasa. (Bunyi kereta)

**Siti Hajar: Adakah salah seorang daripada keluarga Imam terlibat dalam jawatankuasa kampung?**

**Imam Hassan :** Keluarga takde [tiada]. Anak pun anak takde [tiada] aaa anak ada anak perempuan anak yang tua lah. Bahagian wanita lah dia wakil wanita. Terlibat jawatankuasa kampung, terlibat jawatankuasa masjid, terlibat dengan parti. Itu lah dia.

**Siti Hajar: Boleh Imam ceritakan sedikit pengalaman sepanjang menjadi imam kampung?**

**Imam Hassan :** Tebing Tinggi. Setakat saya menjadi ketua kampung aaa imam kampung Tebing Tinggi daripada asal saya menjadi imam Tebing Tinggi memulai pada tahun sembilan belas lapan puluh tiga (1983) sampai lah sekarang. Dan pada tahun sembilan belas sembilan puluh dua (1992) saya dicalonkan sebagai naib kadi Mukim Jementah dan saya alhamdulillah saya lulus peperiksaan. Dan satu (1) Jun sembilan belas sembilan puluh dua (1992) saya dilantik oleh juru nikah di Mukim Jementah ini. Meliputi kawasan ada enam (6) masjid termasuk UiTM. Dulu [dahulu] saya pernah nikahkan pensyarah UiTM orang Pulau Pinang tahun sembilan belas (19) errr (berfikir sketika) lapan puluh (80) gitu [begitu] lah. Dia orang Pulau Pinang dah [sudah] lupa dah [sudah] saya nama dia. Termasuklah masjid kawasan UiTM, Batu 7, Batu 11, Bukit Tunggai, Sungai Siput, Ladang Wel, Bukit Ledang, Paya Jakas, Taman Pelangi. Tak salah ada enam (6) masjid, ada tiga belas (13) surau yang saya jaga. Tapi disebabkan memandangkan saya panggilan periksa tahun sembilan belas (19) errr dua ribu lima belas (2015) saya uzur, saya tak [tidak] dapat menghadiri. Saya dibatal ditamatkan direhatkan jawatan. Bukan saya berhenti saya tak [tidak] dapat pergi masa itu saya sakit. Jadi itu terpulang pada pihak pengurusan terutamanya kadi daerah. Jadi saya direhatkan jawatan. Itu je [sahaja].

**Siti Hajar : Pada masa sekarang adakah jawatan itu masih diteruskan?**

**Imam Hassan :** Jawatan jurunikah dah [sudah] orang lain orang pejabat ambil dia tak [tidak] mahu ambil orang Jementah. Tak [tidak] tahu apa sebabnya. Dia sekarang daripada imam pejabat agama sekarang ini, iaitu Ustaz Ashraf nama dia. Dulu [dahulu] saya lah jaga Jementah ini sampai UiTM.

**Siti Hajar : Apakah jenis cabaran yang Imam pernah lalui sepanjang memegang jawatan itu?**

**Imam Hassan :** Cabaran kalau nak [hendak] cerita memang lah banyak. Kadang berlaku pertengkaran pergaduhan. Tapi yang paling saya tak [tidak] lupa sampai sekarang selain daripada pengalaman manis saya mewakili daerah Sekolah Agama Buloh Kasap dengan peringkat Johor Utara adalah satu daripada cabarannya yang semasa saya juru nikah iaitu berlaku suatu ketika tak [tidak] sebut tak [tidak] perlu lah saya sebut nama orang itu kan. Lebih kurang seminggu dia tak [tidak] mau [mahu] nak [hendak] menjadi wali menikahkan anak dia. Padahal dari hukum wali selagi bapa itu ada mestilah bapa itu menjadi wali kan. Jadi entah macam mana lah dia pun terus jumpa saya. "Tuan imam, saya tak [tidak] mahu jadi wali mewalikan anak saya ini. Apa jadi apa jadi lah". Jadi dengan izin Allah subhanawataala [s.w.t] saya pon cakap cara lemah lembut, berbudi bahasa. "Mengapa tuan tak mahu jadi wali?" "Anak saya ini dulu [dahulu] tanah saya digadaikannya". Gadai tahu gadai. Sampai sekarang tak [tidak] dapat tebus. Tuan, saya kata "ini tanggungjawab tuan, tuan suka ke anak tuan melaku tak senonoh" tak elok dimaksudkan. "Eh saya tak tahu tak peduli tak kira". Habis saya telefon pejabat telefon balik pejabat kata "imam, imam telefon dia esok tiga [3] kali, sampai tiga [3] kali dia xmau jugak mewali suruh dia datang ke pejabat". Saya telefon. Jadi sebenarnya malam itu saya bangun istikarah mohon Allah subhanawataala [s.w.t]. Saya angkat telefon, "Siapa ini? Pak imam ya?" "Ya". "Macam mana cerita awak ini. Betul?" "Takpe [tidak mengapa] lah imam saya wali saya wali". Itu yang saya tak [tidak] lupa sampai sekarang kan. Dan banyak imam-imam juru nikah kalau jumpa dengan saya macam mana imam boleh jadi. Saya lagi teruk imam. Saya kata sekarang kita mohon kita dengan Allah bukan dengan tok bomoh bukan dengan tok pawang tak [tidak] payah [perlu]. Allah. Kita mohon kepada Allah. Tugas kita dekat Allah. Itu saja [sahaja].

**Siti Hajar: Adakah Imam mempunyai pembantu ataupun orang kanan ?**

**Imam Hassan:** Dalam jawatan imam masjid tiada pembantu.

**Siti Hajar: Sepanjang menjawat jawatan sebagai guru, pernah tak [tidak] imam mendapat apa-apa anugerah ?**

**Imam Hassan:** Setakat hari ini cuma takde [tiada] dapat anugerah apa-apa. Takde [tiada]. Takde [tiada] pun anugerah yang diterima. Takde [tiada].

**Siti Hajar: Dan sebagai seorang imam adakah dapat penghargaan atau anugerah?**

**Imam Hassan:** Setakat ini takde [tiada] apa-apa.

**Siti Hajar : Siapakah yang banyak memberi nasihat dan motivasi kepada imam?**

**Imam Hassan:** Terutama sekali, jawatan yang saya pegang ini adalah daripada (bunyi kertas) ketua kampung ini dan tok penghulu Mukim Jementah ini. Ada bagi nasihat dan motivasi saya. Pada mulanya saya enggan [tidak mahu] lah juga menerima jawatan.

**Siti Hajar: Apakah perasaan imam sepanjang berada dikampung ini?**

**Imam Hassan:**Saya berasa amat tenteram aman tenteram, takde [tiada] jadi masalah apa-apa pada diri saya dan keluarga.

**NSMZ: Sekarang kita masuk berkaitan dengan sejarah kampung.**

**Imam Hassan :** Sejarah kampung.

**NSMZ: Apakah nama kampung ini?**

**Imam Hassan :** Kampung Tebing Tinggi.

**NSMZ: Dari mana kampung ini mendapat nama?**

**Imam Hassan :** Memang daripada satu tebing yang sangat tinggi tepi sungai Muar itu. Kalau dulu [dahulu] sebelum Bandar Segamat itu ada, dan pokok-pokok yang tinggi, kalau berdiri atas tebing itu ada nampak Bandar Segamat. Itu yang dinamakan Tebing Tinggi.

**NSMZ: Bilakah kampung ini mula ditubuhkan?**

**Imam Hassan :** Kampung Tebing Tinggi ini kalau nak [hendak] di mengikut sejarah pada orang tua-tua dulu saya ini menerima cerita ataupun laporan daripada cerita orang tua-tua dulu [dahulu]. Memang dah [sudah] nak [hendak] katakan ribu tahun --- lah. Tapi sebenarnya oleh sebab berlaku satu peristiwa yang sangat tak [tidak] boleh

dilupakan hinggalah ada satu makam dekat Kampung Tebing Tinggi tepi sungai Muar itu, iaitu satu makam dinamakan makan Syeikh Al-Magribi. Maksud dia masa itu agama islam di Melaka belum begitu berkembang lah kaedah islam baru nak [hendak] bertapak. Kemudian Syeikh itu datang dengan rakan-rakan sampai ke kampung ini. Itu tahun berapa saya tak [tidak] berani nak [hendak] cakap lah hingga dia (bunyi kereta) meninggal disini. Ada makam boleh ada dekat rumah saya mak mertua saya itu ada makan dia itu. Memang semua kata Syeikh Magribi semua kata Syeikh Magribi. Diorang [mereka] tanya macam mana cerita itu cerita pedagang itu datang, mengajar agama islam, kadang berkampung sultan rimba lagi lah. Sana sebutir pondok, sini sebutir pondok rimba raya. Pada suatu hari dia datang ke rumah orang tua saya ini ditugaskan dengan izin Allah dia kata untuk mengajar orang-orang islam, agama islam pada masa itu. Cerita gitu [begitu] lah.

**NSMZ: Siapakah yang merasmikan kampung ini?**

**Imam Hassan :** Kampung ini memang takde [tiada] apa rasmlah memang daripada dulu [dahulu] dah [sudah] dinamakan Tebing Tinggi.

**NSMZ: Imam tahu atau tidak siapa penduduk terawal dikampung ni?**

**Imam Hassan :** Penduduk itu semua takde [tiada] lagi dah [sudah]. Memang semua tinggal cucu cicit yang ada sekarang pun banyak dah [sudah] takde [tiada]. Itu sahaja.

**NSMZ : Siapa ketua kampung yang terawal disini?**

**Imam Hassan :** Yang terawal adalah orang Tebing Tinggi yang saya tahu iaitu Yunos Bin Maalam. Lepas itu sampai sekarang dia bertukar bertukar macam itu lah.

**NSMZ : Berapakah jumlah ketua kampung yang ada?**

**Imam Hassan :** Sekarang ? Disini? Yang ada atau daripada mula tarikh?

**NSMZ: Dari mula.**

**Imam Hassan :** Dari mula Yunos Maalam ,Yunos Saad yang sampai sekarang dah [sudah] lima (5) ketua kampung.

**NSMZ : Siapakah nama ketua kampung sekarang?**

**Imam Hassan :** Mohamad Bin Ali.

**NSMZ : Kebanyakan penduduk di sini beragama apa?**

**Imam Hassan :** Semua beragama islam.

**NSMZ : Sekarang kita masuk berkaitan dengan sosio ekonomi penduduk disini.**

**Imam Hassan : Ya. Ya.**

**NSMZ : (Bunyi kertas) Bolehkah imam gambarkan secara ringkas keadaan ekonomi penduduk kampung Tebing Tinggi pada masa kini?**

**Imam Hassan :** Masa kini keadaan penduduk ekonomi penduduk boleh katakan stabil lah. Nak [hendak] kata susah tak [tidak] susah, senang tak [tidak] senang. Nak [hendak] kata tidaklah begitu menjadi penderitaan bagi penduduk yang ada di kampung ini. Semua lah boleh hidup dengan aman tenteram lah. Takde [tiada] berlaku apa-apa yang mencurigai contohnya kecurian dan lan-lain yang tak [tidak] baik lah.

**NSMZ : Adakah disini mempunyai peluang pekerjaan yang luas?**

**Imam Hassan :** Disini sebenarnya ada satu peluang pekerjaan yang luas tetapi oleh sebab Pusat Latihan Felcra telah ditutup sekarang belum diubah belum diusahakan lebih baik lagi. Jadi buat sementara dulu [dahulu] banyakkkan penduduk terutama budak muda-muda, wanita ke bekerja di Pusat Latihan. Sekarang ada satu ladang kelulut nama dia. Haa situ pun satu pencari rezeki bagi orang yang ingin hendak bekerja lah.

**NSMZ : Adakah terdapat penduduk yang menghasilkan produk buatan sendiri?**

**Imam Hassan :** Setakat hari ini saya ingat takde [tiada].

**NSMZ : Adakah penduduk dari kampung ini telah menjadi usahawan berjaya?**

**Imam Hassan :** Memang takde [tiada].

**NSMZ : Adakah penduduk menguruskan perkhidmatan seperti homestay untuk orang luar datang kesini?**

**Imam Hassan :** Takde [tiada].

**NSMZ : Kebanyakan anak muda bekerja disini atau berhijrah ke tempat lain?**

**Imam Hassan :** Ada yang kebanyakan berhijrah ke tempat lain, dah [sudah] rumah tangga, dan masing-masing ada beranak-pinak di luar lah. Dan yang



sebahagiannya bekerja. Satu daripadanya yang saya kata tadi dengan bekerja ladang kelulut. Madu kelulut.

**NSMZ : Kebanyakan orang luar datang kesini bekerja dalam bidang apa?**

**Imam Hassan** : Orang luar datang bekerja disini adalah melalui rancangan Felcra, Felcra Tebing Tinggi. Selain itu bekerja sebagai penoreh getah dan kelapa sawit.

**NSMZ : Berdasarkan pemerhatian kami kampung ini memiliki tanah yang subur. Adakah penduduk kampung menggunakan keistimewaan ini untuk melakukan aktiviti seperti bercucuk tanam?**

**Imam Hassan** : Memang sebab tanah kampung ini tanah boleh dikatakan tanah yang baik, tanah merah. Memang bercucuk tanam yang pertama iaitu getah dan kelapa sawit. Pada mulanya dulu [dahulu] memang ada sawah padi tapi oleh sebab lama ke lamaan sawah padi itu dah [sudah] tak [tidak] menjadi. Takde [tiada] orang bekerja lagi dah. Masing masing dah [sudah] bekerja ladang, dah [sudah] bekerja dengan getah, kelapa sawit itu sahaja lah.

**NSMZ : Adakah tanaman penduduk pernah diserang oleh haiwan perosak?**

**Imam Hassan** : Setakat hari ini takde [tiada]. Dulu-dulu [dahulu] kampung masih hutan rimba memang lah. Iaitu yang dinamakan apa gajah.

**NSMZ : Majoriti penduduk awal disini berasal dari mana?**

**Imam Hassan** : Memang kebanyakan memang berasal daripada daerah Segamat lah. Tapi yang ada itu yang datang itu asalnya kalau nak [hendak] di kira, kita walau termasuk awak sendiri pun datuk nenek awak bukan berasal dari tanah melayu. Semua daripada kepulauan Jawa kan. Termasuk macam saya ini daripada Riau tapi memang daripada Segamat lah. Orang yang Tebing Tinggi ini.

**NSMZ : Kampung ini pernah dijajah?**

**Imam Hassan** : Yang saya ingat dijajah lain takde [tiada] masa itu musim Jepun, itu dia pengaruh parti komunis la kan, masa tu darurat tahun sembilan belas empat puluh lapan (1948) sampai dekat sembilan belas lima puluh tujuh (1957), lima puluh lapan (58) darurat. Kampung ini dibuat area [kawasan] berkurung takde [tiada] macam ini berkurung pagar. Ada dengan home gun [pistol] jaga malam kan.

**NSMZ : Masih adakah lagi kesan daripada penjajahan tersebut?**

**Imam Hassan :** Dah takde dah [sudah tiada].

**NSMZ : Kesan penjajahan tersebut, adakah mengalami masalah kepada penduduk?**

**Imam Hassan :** Memang masalah. Nombor satu (1) untuk mencari rezeki. Tak [tidak] boleh keluar jauh oleh sebab masa itu yang jadi takut penduduk adalah komunis.

**NSMZ : Adakah sebarang tindakan diambil?**

**Imam Hassan :** Memang ada pihak kerajaan telah mengadakan pasukan kawalan, pasukan home gun [pistol], dan diadakan kubu-kubu khas , berjaga malam lah.

**NSMZ : Sekarang kita masuk kepada kemudahan yang terdapat di kampung. Kemudahan apa yang terdapat di kampung ini?**

**Imam Hassan :** Nombor satu (1) daripada segi kenderaan untuk keluar masuk ke Bandar Segamat tidaklah payah [susah] menyewa apa-apa lagi. Jadi mereka telah menggunakan masing-masing dah [sudah] ada punya kereta sendiri kemudian kemudahan umpama moto [motosikal] takde la [tidaklah] guna basikal, jalan kaki takde [tiada].

**NSMZ : Dari segi bekalan air dan elektrik adakah dijana dengan sebaiknya?**

**Imam Hassan :** Alhamdulillah. Memang sebaik-baik tidaklah mempunyai masalah untuk penduduk kampung air dan elektrik.

**NSMZ : Berapakah masa yang diambil untuk sampai ke bandar?**

**Imam Hassan :** Kalau nak dikira lebih kurang melalui kalau kita naik kereta atau teksi sini ada satu (1) teksi atas bukit itu iaitu Yahya Bin apa ini Md Din Bin Yahya yang ketua kampung yang dulu [dahulu] lah lebih kurang dua puluh (20) minit.

**NSMZ : Bagaimanakah jalan perhubungan di kawasan kampung ni pada masa dahulu?**

**Imam Hassan :** Pada masa dahulu banyak menggunakan sungai perahu, sampan.

**NSMZ : Sungai itu masih wujud?**

**Imam Hassan :** Ada. Sungai Muar yang awak lalu nampak dekat rumah saya itu.

**NSMZ : Setelah dibandingkan dengan jalan perhubungan yang sekarang bagaimana?**



**Imam Hassan** : Memang selesa lah. Dan yang dulu [dahulu] memang masalah besar terutama waktu banjir.

**NSMZ** : Adakah perkhidmatan awam ada disediakan kepada penduduk di kampung ini?

**Imam Hassan** : Takde [tiada].

**NSMZ** : Adakah sebarang penambahan baharu untuk perancangan kemajuan?

**Imam Hassan** : Setakat hari ini memang satu daripadanya telah ditubuhkan rancangan tanah Felcra, termasuk tanah Felcra itu tanah tanam semula dan tanah-tanah yang tak [tidak] diusahakan oleh penduduk tanah terbiar dan Felcra buat tanah itu.

**NSMZ** : Pernah berlaku sebarang kecemasan atau bencana disini?

**Imam Hassan** : Pada biasa atau pada ralitnya yang jadi masalah banjir. Tapi banjir itu tidaklah terlalu dasyat umpama di Kelantan cuma tiga (3) tahun, empat (4) tahun yang terdahulu tahun sembilan belas tujuh puluh (1970), sembilan belas lima puluh dua (1952), dua kosong enam (2006), dua kosong dua belas (2012) memang putus perhubungan kampung ini hendak ke Segamat. Jalan yang dari Kampung Bukit Tunggal turun bukit tu tak [tidak] boleh lalu.

**NSMZ** : Apakah faktor utama yang menyebabkan banjir di kampung ini?

**Imam Hassan** : Yang pertama masa itu oleh sebab sungai itu belum didalamkan lagi lah. Alhamdulillah sekarang sungai itu telah dikorek.

**NSMZ** : Apakah kemudahan yang disediakan apabila berlakunya banjir?

**Imam Hassan** : Memang bagi pihak yang berwajib mengadakan bantuan daripada segi kenaikan, daripada segi barang-barang dihantar ke sini lah. Pernah dihantar melalui helikopter pernah berlaku.

**NSMZ** : Dimanakah lokasi mangsa banjir ditempatkan?

**Imam Hassan** : Masa itu di balai raya.

**NSMZ** : Tahun bilakah banjir teruk berlaku di kampung ini?

**Imam Hassan** : Tahun sembilan belas tujuh puluh (1970).

**NSMZ : Kebiasaannya berapa lama banjir berlaku dan tempoh yang diambil untuk surut sepenuhnya?**

**Imam Hassan** : Biasa tak [tidak] lari tiga (3) minggu lah dua puluh satu (21) hari.

**NSMZ : Berapakah kawasan yang terlibat?**

**Imam Hassan** : Kawasan yang terlibat setakat ini kampung Tebing Tinggi, kampung Bukit Tunggal sebelah tadi lah kan dan kampung-kampung lain termasuk di daerah Segamat. Itu banyak kampung kalau hendak cerita pun takde [tiada] faedah juga kita cerita untuk Tebing Tinggi kan.

**NSMZ : Adakah kampung ini mempunyai pasukan keselamatan tersendiri?**

**Imam Hassan** : Takde [tiada]. Cuma pasukan rela je [sahaja] ada.

**NSMZ : Berapakah anggaran kerugian yang dihadapi apabila berlakunya banjir?**

**Imam Hassan** : Biasanya kadang-kadang nombor satu (1) daripada segi harta benda, yang kedua ternakan seperti ayam kadang ada juga yang lembu mati. Memang itu tak [tidak] dapat nak [hendak] detail [terperinci] dengan jelas lah. Memang betul tapi memang ada lah kerugian. Banjir besar lah banjir setakat ini takde [tiada].

**NSMZ : Selain banjir apakah masalah-masalah lain yang dihadapi penduduk kampung ini?**

**Imam Hassan** : Setakat hari ini itu sahaja banjir yang lain takde [tiada] apa-apa masalah.

**NSMZ : Menurut imam apakah bencana yang kemungkinan berlaku di kampung ini berdasarkan bentuk muka bumi?**

**Imam Hassan** : Mengikut saya punya pandangan lah ini bukanlah saya seorang macam ahli kaji bumi kan. Selalu biasanya berlaku ribut lah, puting berliung. Pernah berlaku satu biji rumah terbang.

**SHA : Adakah mendapat sebarang bantuan?**

**Imam Hassan** : Ada.

**NSMZ : Adakah sebelum ini terdapat apa-apa masalah berkaitan kampung? Contohnya kecurian?**

**Imam Hassan** : Setakat hari ini dulu-dulu [dahulu] pernah berlaku. Itu pun bukan orang kampung. Masa itu ladang Felcra baru dibuka, pekerja-pekerja yang diambil datang daripada Indonesia dan pekerja-pekerja ladang itu pun ada juga yang bukannya kaedahnya semua baik walaupun telah ditemu bual. Berlaku juga kedai disini pernah kena rompak tahun sembilan belas tujuh puluh lima (1975).

**NSMZ** : Adakah kampung ini ada mempunyai jawatankuasa khas dari segi keselamatan misalnya rondaan malam oleh penduduk kampung bagi menjaga keselamatan penduduk kampung?

**Imam Hassan** : Setelah dibuat mesyuarat JKK kampung dalam bulan november yang lepas, sebenar memang dibuat tapi oleh sebab takde [tiada] apa pun takde [tiada] apa dah [sudah] berlaku apa-apa. Tapi walau macam mana pun kita akan mulakan bulan satu (1) rondaan kampung sukarela lah.

**NSMZ** : Ada atau tidak apa-apa jenis persatuan yang ditubuhkan di kampung ini?

**Imam Hassan** : Di sini ada selain daripada pemuda macam Siasah ada la. Kemudian belia dah [sudah] tak [tidak] ramai takde [tiada] belia cuma pemuda je [sahaja] ada persatuan pemuda, pemuda pertubuhan lah senang cakap pemuda U. M. N. O [UMNO] itu sahaja.

**NSMZ** : Berapa lamakah persatuan itu ditubuhkan?

**Imam Hassan** : Sejak ditubuhkan saya ingat daripada tahun tubuhnya pertubuhan sampai lah sekarang. Mesti ada walaupun sepuluh (10) orang walaupun ... ramai. Memang ada persatuan.

**NSMZ** : Persatuan tersebut masih aktif?

**Imam Hassan** : Aktif. Alhamdulillah. Terutama apabila majlis-majlis contohnya kenduri kendara, majlis maulidur rasul memang dia akan bekerjasama lah gotong-royong.

**NSMZ** : Apakah tujuan persatuan itu ditubuhkan?

**Imam Hassan** : Iaitu adalah untuk kemudahan terutama membantu penduduk kampung. MKebanyakan penduduk kampung sekarang masing-masing dah [sudah] usia emas macam termasuk saya lah dah [sudah] lapan puluh satu (81).

**NSMZ : Selalunya golongan yang menyertai golongan-golongan muda ataupun vateran?**

**Imam Hassan :** Memang orang muda lah dan dibantu oleh pihak yang umpama lebih rendah daripada saya sikit lah empat puluh (40), lima puluh (50) pemuda ni sampai empat puluh (40) je [sahaja].

**NSMZ : Kampung ini ada melakukan aktiviti gotong-royong?**

**Imam Hassan :** Memang ada gotong-royong terutama dalam majlis kenduri kendara. Oleh sebab sekarang keadaan zaman terutama yang menguruskan dah [sudah] banyak dah [sudah] kembali ke rahmatullah terutama tukang masak dah [sudah] banyak meninggal. Dulu [dahulu] memang terkenal disini masaknyanya memang sedap bukan saya cakap masuk raga angkat sendiri, tidak. Tapi sekarang bila dah [sudah] ada macam itu dah [sudah] kebanyakan suka katering lah. Ambil Muar, Batu Pahat.

**NSMZ : Biasanya jika ada majlis seperti kenduri, dimanakah selalu diadakan?**

**Imam Hassan :** Biasa di kawasan rumah masing-masing lah. Dulu [dahulu] pernah dibuat balai raya dan pernah dibuat kawasan masjid.

**NSMZ : Bagaimanakah penduduk mewujudkan keharmonian yang baik sesama sendiri sekiranya terlibat dengan majlis tersebut?**

**Imam Hassan :** Sebelum majlis diadakan, sebulan sebelum majlis diadakan bagi pihak tuan rumah melalui anjuran ketua kampung, JKK kampung akan mengadakan satu (1) pakatan mesyuarat untuk mengacara majlis, siapa tukang masak, siapa berangkat, siapa bekerja semua ada dalam keputusan mesyuarat untuk majlis ... tuan rumah itu lah. Biasa macam itu sampai lah sekarang.

**NSMZ : Semua penduduk disini terlibat?**

**Imam Hassan :** Semua terlibat.

**NSMZ : Adakah penduduk masih mengamalkan kunjung mengunjung pada musim perayaan?**

**Imam Hassan :** Alhamdulillah. Sentiasa diadakan kunjung mengunjung. Kalau dibelah Negeri Sembilan dia kata hantar doa Negeri Sembilan saya sebab saya ini ada saudara di Negeri Sembilan selalu dia kata malam raya sampailah sebulan bulan raya ada je [sahaja] berdoa kunjung mengunjung lah. Marhaban ke.

**NSMZ : Seterusnya berkaitan dengan pendidikan.**

**Imam Hassan : Ya.**

**NSMZ : Secara purata adakah penduduk disini mendapat pendidikan yang sepatutnya?**

**Imam Hassan :** Ada dan penduduk disini sebenarnya yang saya ingat satu (1) daripadanya ada yang berpangkat Leftenan Kornal, Ganeral, Kapten dalam tentera memang anak kampung ini. Dan yang dah [sudah] meninggal termasuk ipar saya. Dah [sudah] meninggal memang pangkat dalam tentera boleh dikatakan boleh bawak satu (1), dua (2) batelion apa nama pangkat ... General, Leftenan General. Haa itu lah.

**NSMZ: Ada berapa sekolah di kampung ini?**

**Imam Hassan :** Sekolah kampung ini ada sekolah sebenar ada satu (1) tapi digunakan petang dan pagi. Pagi dan petang. Pagi sekolah kebangsaan, petang sekolah agama.

**NSMZ : Sekolah yang terdekat?**

**Imam Hassan :** Sekolah terdekat Sekolah Kampung Bukit Tunggal.

**NSMZ : Berapakah masa diambil untuk sampai ke sekolah tersebut?**

**Imam Hassan :** Kalau dalam kampung ini tak [tidak] sampai sepuluh (10) minit tak [tidak] sampai.

**NSMZ : Adakah penduduk disini yang terlibat menjadi guru mengajar di sekolah?**

**Imam Hassan :** Ada. Tapi dah [sudah] meninggal dunia termasuklah abang ipar saya dulu [dahulu] guru besar di sekolah sini.

**NSMZ : Masih adakah anak-anak sekarang yang tercicir pengajiannya?**

**Imam Hassan :** Setakat hari ini alhamdulillah walaupun sekolah ini kecil kaedahnya keputusan UPSR tahun ini tahun dua ribu tujuh belas (2017) Sekolah Tebing Tinggi dianggap terbaik 6A walau murid tak [tidak] ramai 6A, 4A semua lulus lah. Memang dalam rekod sekolah terbaik dalam daerah Segamat lah.

**NSMZ : Adakah sekolah disini menyediakan infrastuktur yang cukup selesa kepada pelajar?**

**Imam Hassan** : Memang cukup. Sekarang dah [sudah] ada internet itu atau awak tengok balik awak nampak kan.

**NSMZ : Adakah kemudahan dan usaha lain yang disediakan untuk meningkatkan taraf pendidikan penduduk kampung?**

**Imam Hassan** : Memang terutama anak-anak penduduk kampung diadakan kelas-kelas bantuan, kelas tambahan tuition [kelas tambahan] lah. Umpamanya mereka-mereka yang lemah dalam matapelajaran matematik dan bahasa malaysia.

**NSMZ : Kampung ini pernah menerima apa-apa anugerah?**

**Imam Hassan** : Yang saya ingatlah sejak saya berada di kampung ini takde [tiada] menerima anugerah tapi lawatan Tuanku umpama Tengku Sultan Iskandar, Tengku Makhkota rajin lah kemari. Menteri Besar termasuk waktu banjir Menteri Besar datang.

**NSMZ : Siapakah anak jati kampung ini yang telah berjaya dan dikenali oleh orang ramai?**

**Imam Hassan** : Satu daripadanya haa itu yang saya kata tadi Dato Haji Syukur Bin Haji Jaapar, Leftenan Kornal masih ada di kampung Dato Keramat Kuala Lumpur. Memang terkenal. Selain daripada itu, untuk anak-anak kampung yang setakat saya tahu lah satu daripadanya walaupun tak [tidak] sepatut dicakap atas masjid ini salah seorangnya adalah seorang penghibur dipanggil Mambai Mambai ingat dulu kumpulan apa Gersang anak Kampung Tebing Tinggi itu mak saudara dia meniaga warung. Dan anak saya sendiri seorang pemain bola pernah main dengan Pulau Pinang, Mohamad Zamri Hassan.

**NSMZ :Sekarang kita masuk kepada mitos. Kita masuk berkaitan jenis-jenis mitos yang ada di kampung ini. Di kampung ini ada apa-apa sejarah atau mitos tersendiri?**

**Imam Hassan** : Satu daripadanya sebagaimana setelah saya ceritakan tadi ada satu makam di belakang rumah mak mertua saya tu iaitu makam tu [itu] yang di nama Sheikh Al-Maghribi. Jadi Sheikh Al-Maghribi ini masa itu dia adalah lah pendakwah termasuk yang sekarang Tabligh yang menyampaikan ajaran islam aaa seribu lima ratus sebelas (1511) Melaka di langgar Protugis dan sebelum pada itu Negeri Melaka ini belum banyak penduduknya yang beragama islam. Salah seorang



daripada pendakwah ini ialah Sheikh Al-Maghribi ini dia bukan di Melaka dia masa itu untuk berdakwah sampan. Sampan. Dia sampai kesana itu yang sampai kesini sini dia sampai ke Tebing Tinggi Sheikh Al-Maghribi masih ada makam itu walaupun makam itu tidak lah sehebat dahulu kala setengah tempat kan pasang kepok [khemah] di bubuh [pasang] atap dia tidak cuma batu nisan dua (2) jala [sahaja] la. Dan cerita makam ini bukan cerita ini harini sejak dulu-dulu bila saya sampai "ini kubur siapa ini mak?" mak mertua saya la "ini Syekh Al-Maghribi" sekejap ja [sahaja] orang datang letak air letak pisang, bernazar lah aaa ceritanya jadi saya pun dah imam tu tanya begitu diceritalah jadi macam mana untuk membuktikan dia seorang ini seorang Mubalik ataupun pendakwah satu (1) hari dia singgah satu (1) rumah dulu bukan rumah pondok dalam kampung (sambil ketawa) ni takde [tiada] rumah masa atap daun, lantai buluh, dinding kulit. Jadi tuan rumah itu jemput Sheikh "Jemput naik lah kita makan rebung ubi" jadi sheikh tu kata "Mintak maaf saya tak [tidak] boleh makan rezeki yang awak beri walaupun rezeki daripada Allah S.W.T untuk saya." "Mengapa sheikh?" "malam tadi awak bersama dengan isteri awak, awak belum lagi suci."(innalillah suara daripada seorang penduduk kampung) Dia tahu aaa di situ lah mulanya nampaknya dia adalah seorang keramat hidup ha tu [itu] ceritanya dan bermacam-macam lagi lah ceritanya, cerita yang bernazar ni [ini] pun boleh dikatakan orang mengambik [mengambil] budak nak pereksa [peperiksaan] hantar air, sakit sikit hantar air, oleh sebab masa itu di Kampung Tebing Tinggi ada satu (1) juru nikah naik kadi berasal dari Thailand bapak [bapa] Datuk Syukur tu terkenal tadi Tuan Haji Jaffar bin Haji Sakmah dia kata "tak [tidak] boleh syirik kita pergi mintak pada orang dah [sudah] meninggal, kan kita mintak pada Allah Subhanahu wa ta'ala (S.W.T.) buat apa mintak pada orang meninggal?" tak [tidak] lah jadi. Sampai la sekarang termasuk lah saya, pernah [pernah] saya menahan orang telah datang ke makam tu [itu] orang cina cakap apa "loktang"...dengan izin Allah Taala jatuh satu benda atas pokok boom( imam buat bunyi) saya dengar sendiri toleh [pusing] takde [tiada] benda balik itu malam saya istikharah bangun. Satu hamba allah berjumpa jubah kuning janggut ...meremang bulu tengkuk saya tu [itu] dia kata jangan, "jangan kotorkan rumah dia," dia kata. Sejak daripada itu takde [tiada] orang datang dengan izin Allah Satu (1), yang kedua tahun dua ribu tiga (2003) satu (1) guru besar sekolah agama segamat dan satu (1) pendakwah bebas kemari, Ustaz Zainal namanya datang rumah saya itu lah "Tuan?" apa hal ni [ini] Encik?" "apahal ni [ini] Ustaz?". Malam tadi Ustaz Zainal dia mimpi kata dekat rumah awak ni [ini] ada orang alim. Haa ceritanya ehh mana pulak [pula] ada orang alim ingat kan saya makam itu tadi saya terus, bulan puasa itu tahun dua ribu tiga (2003)

bawak kat [dekat] makam itu saya bersih memang saya jaga saya bersih ialah lebih kurang dua (2) minggu dia datang balik dah [sudah] raya lah tu [itu]. “mam [imam] memang betul ini orang alim itu yang pertama sebelum pada itu satu (1) (berfikir) guru Tuan Haji Osman, Tuan Haji Osman Bahari tak [tidak] salah dia itu guru apa ini Khaujakan Sheikh khaujakan tahu tak [tidak] tahu Pulau Pinang kata Syeikh khaujakan datang ke rumah “kampung ni [ini] apa nama tuan?” kata “kampung Tebing Tinggi.” “eh Tebing Tinggi?” kata dia. Kenapa ji [haji] “saya pergi Mekah tahun dulu di Masjid Haram Di Mekah, Masjid Mekah la [lah] kata dia nak sembahyang masjid *assalamualaikum* (sambil menunjukkan cara) saya pun toleh [menoleh] belah kanan jumpa satu (1) Sheikh Tu [itu] bukan main lawa orang lagi kata dia tanya “Sheikh darimana?” cakap melayu la [lah] tak [tidak] boleh cakap arab tapi dia cakap arab tapi Sheikh itu paham [faham] la [lah]. Ana [saya] daripada Tebing Tinggi Segamat. Ha aa haa dua (2) dah [sudah] tanda kaedah tempat tu memang tempat kaedahnya boleh jadi kan cerita tu [itu] benar kan haa yang pertama tadi haa mula tadi yang ini kedua.. ha itu lah ingat itu lah cerita dia. Sampai sekarang dah [sudah] takde [tiada] lagi orang bernazar tu [itu] saya tahan saya jangan dosa besar syirik kepada Allah Subhanahu wa ta'ala (s.w.t) mohon pada Allah, nak [hendak] dunia mohon pada allah akhiran lebih lagi kan kita ini kan. Apa lagi?

**NSMZ : Pada tahun bilakah sejarah mengenai mitos ini dikenal pasti?**

**Imam Hassan :** Sejak kampung ini dibuka lah aaa. Sejak kampung ini dibuka kemudian dia masa itu belum la [lah], belum disitu lah belum meninggal disitu la [lah] satu (1) masa diorang [mereka] pergi ke kawasan tepi sungai tengok dah [sudah] ada makam haaa macam mana kebumi macam mana dia kebumi kita tak [tidak] tahu tu [itu] ceritanya.

**NSMZ : Siapakah yang mula-mula merungkai kisah dibalik mitos ini?**

**Imam Hassan :** Memang cerita daripada datuk nenek orang tua-tua di kampung ini lah haa yang berumur seratus (100) tahun lebih itu cerita tu [itu].

**NSMZ : Imam mendapat sumber ini dari mana?**

**Imam Hassan :** Daripada cerita datuk nenek terutama daripada akak [kakak] daripada mak mertua saya yang jadik [jadi] bidan orang bersalin, bidan tertua dalam kampung ni [ini] dia pun cerita macam tu [itu].



**NSMZ : Adakah peristiwa ini hanya diketahui oleh orang kampung ini sahaja?**

**Imam Hassan :** Orang kampung ni tahu orang kampung luar pun tahu tapi takde [tidak] tahu secara teliti la [lah]. Cuma tahu tu [itu] Sheikh Maghribi, itu Sheikh Magribi itu asal Morocco Putera Raja.

**NSMZ : Siapakah yang mula mengetahui tentang kewujudan makam tersebut?**

**Imam Hassan :** Orang tertua kampung ini lah .

**NSMZ : Pada tahun bilakah makam itu ada?**

**Imam Hassan :** Makam tu [itu] memang oleh sebab bukan ada macam kita kan ada tarikh berapa hari bulan meninggal takde [tiada] saya ingat kalau nak cerita sejarah balai polis daerah segamat yang pertama dekat tempat yang awak datang tu [itu] tahun seribu sembilan ratus enam belas (1916) itu balai polis itu tah [entah] berapa tahun ratus ribu tahun berapa ribu tahun tak [tidak] tahu lah cerita dia.

**NSMZ : Masih adakah orang kampung mahupun orang luar yang boleh percaya dengan kebolehan makam tersebut?**

**Imam Hassan :** Setelah mendapat khidmat nasihat daripada Tuan Kadi kampung ini dulu dan termasuk saya salah seorang juga mereka telah takde [tiada] lah datang. Sebab yang datang itu bukan setakat nak bernazar sahajasetakat mintak benda-benda yang tak [tidak] elok contohnya *jimwaudalya* [judi] faham main-main datang ini tau [tahu] Astarfirullahalazim.

**NSMZ : Imam rasa kenapa ramai yang mempercayai bahawa makam tersebut boleh membantu mereka?**

**Imam Hassan :** Sebab setiap ada sepuluh (10) yang datang tu enam (6) lima (5) makbul permintaan dia, tapi mintak baik-baik lah contohnya saya kadang pernah dengar masa itu saya baru lah bernikah saya pernah pergi dengar mak mertua saya kata "kalau kau tak [tidak] percaya pergi dengar orang itu cakap macam mana".saya pergi la dengar apa dia cakap. "ya Sheikh Ini anak saya Ini nak pereksa [peperiksaan] mintak dengan jasa baik Sheikh supaya anak saya Ini lulus dia (sambil ketawa) dia mintak macam itu lah. Dia pegang batu nisan dia tahu. "ya Sheikh" dia kata. Alhamdulillah agaknya oleh sebab secara kebetulan la [lah] kan Allah Taala izinkan dia takde [tiada] lah niat itu niat ini dia datang dengan bacaan Al-Fatihah ,kadang letak bawak pulut, bawak pisang bawak air haa ceritanya itu lah ada lima (5) enam

(6) orang berjaya datang contohnya saya mintak maaf la saya ini bukan bomoh satu (1) dua (2) orang daripadanya kadang-kadang datang jumpa saya “imam tolonglah doa anak saya imam anak saya nak naik SPM [sijil pelajaran malaysia] contoh la [lah] kan. Saya pon bacalah doa ayat-ayat dalam quran tu [itu] dengan izin Allah lulus, itu cakap pulak marilah kita ke rumah imam Tebing Tinggi anak saya lulus tiga (3) tiga semua lulus itu cerita macam itu lah (sambil ketawa), haa ahh dengan izin Allah secara kebetulan. Habis?

**NSMZ : Ada atau tidak tindakan imam mahupun ketua kampung lakukan untuk mengelakkan perkara sebegini berlaku lagi?**

**Imam Hassan :** Memang ada saya buat khidmat nasihat supaya tidak berpanjangan dan tidak di anggap oleh bangsa lain gini [begini] rupa islam. contohnya kan sebab yang datang cina pon ada ha. Saya Pernah datang, ini mintak maaf lah oleh sebab dulu saya guru melayu sekolah cina saya boleh cakap mandrin cakap sekolah tu saya cakap dengan dia Wèishéme ni, Wèishéme ni zai nage Nà piàn?[ bahasa mandrin] maksud dia apa sebab datang sini? Dia kata. *Wo yao nage ma pioa*. Loteri dia kata. *Buyao* [tidak boleh], islam *nage Chōujiāng* [bahasa mandrin] tak [tidak boleh] buyou[bahasa mandrin] jangan tak boleh berdosa laku itu kan. Balik ni [ini] betul-betul la [lah]. Haa saya boleh cakap cina, mandrin, cakap kungfu, hard kit. Kit ni bahasa dia kasar ,hibing tong wa habing jing.[bahasa kit mandrin] selalu maki-maki orang selalu cakap (ketawa).

**NSMZ : Saya pernah terbaca di laman sosial sejarah dan warisan segamat yang mengatakan dulu terdapat sebuah balai di kampung ini?**

**Imam Hassan :** Ha ...yang di dikatakan balai itu, itu lah belakang rumah yang awak naik rumah saya itu dulu tidak disebut balai, rumah pasung haa, Rumah Pasung yang pertama dalam Daerah Segamat Balai Polis yang ada dalam Bandar Segamat itu tarikh lahir saya sembilan belas tiga puluh tujuh (1937) haa ...memang ada.

**NSMZ : Apakah maksud rumah pasung tersebut?**

**Imam Hassan :** Iaitu mengawal segala apa kesalahan penduduk buat kecurian, rompak ke, masa zaman dulu takde [tiada] semua itu tapi dia adakan nanti kemudian bila nak orang bersalin nak buat report [laporan] beranak kena adakan dulu ikut perahu bila ada kes apa-apa tangkap orang curi kerbau dulu kerbau ikut perahu terus ke rumah pasung bukit kepong yang di bakar oleh komunis tahun sembilan

lima puluh dua (1952) yang dibuat oleh seniman Allahyarham Jin Samsudin dulu filem bukit kepong laguni lah [macam ini lah] ha tu [itu] dia.

**NSMZ : Adakah rumah pasung tersebut masih digunakan lagi?**

**Imam Hassan :** Yang tebing tinggi tu?

**NSMZ: Ya (sambil menganguk)**

**Imam Hassan:** Takde [tiada] dah .

**SHA : Siapakah yang menguruskan rumah pasung itu dahulu?**

**Imam Hassan :** Itu bagi pihak kerajaan la, bagi pihak orang kampung ini tak [tidak] terlibat la dia da lah dia punya macam anggota-anggota dia, dia letak disitu dua (2) tiga (3) orang tak ramai .

**NSMZ : Dia hadapan rumah imam terdapat sebatang sungai?**

**Imam Hassan :** Haa itu dia sungai muar, sungai yang terpanjang dalam Negeri Johor.

**NSMZ : Adakah terdapat sejarah atau mitos berkenaan sungai tersebut?**

**Imam Hassan :** Sungai Muar tu yang saya tahu adalah sungai terpanjang dalam Negeri Johor dia punya kuala ke Muar Johor ada kat Muar kan, Muar laut an dia punya pangkal masuk dalam sawah padi Kuala Pilah Negeri Sembilan.

**NSMZ : Adakah cerita lain berkenaan sejarah atau mitos kampung ini yang menjadi buah mulut orang kampung?**

**Imam Hassan :** Setakat ini yang saya tahu yang, (tengah berfikir) yang kaedahnya jadi hangat sangat tidak cuma kampung ini, ini lah saya mintak maaf la yang saya tahu kampung ini memang terkenal daripadanya orang cendiakawan bahagian agama islam sebab yang duduk di kampung ini salah seorang daripadanya orang Thailand Tuan Haji Jaffar bin Haji Samod ini haa dia penduduk sama menikah dengan orang di kampung ini dia lah mengembangkan, mengajar orang sembahyang serba serbi satu (1), yang kedua sebab dia kampung ini terkenal dengan kaedahnya satu (1) daripadanya yang kita selalu tiap-tiap tahun kerajaan buat iaitu Tilawah Al-Quran penduduk kampung ini lah yang mewakili Daerah Segamat Ke Peringkat Negeri dan juga bacaan berzanji sampai lah ke warisan saya pastu [selepas itu] takat [setakat] anak buah saya sendiri yang mendapat wakil takde [tiada] lagi dah

sekarang. Dah takde [tiada] berkembang tak [tidak] berminat belajar berzanji , Al-Quran ini belajar itu memang ada sebab itu agama bila masuk ke ujian tilawah kita menghendakan bukan sekadar takat [setakat] bacaan, bagus bacaan, tajwid ,fasih tetapi kita nak mempelajari cara di mana kat [dekat] orang taranum, lagu sebab lagu Al-Quran ini berbeza dengan masa tahun 1960 Tuan Haji Ismail Hashim, Allahyarham Tuan Haji Ismail, dia gunakan lagu cara dulu tapi sekarang teknik baru ini, ini budak yang tak [tidak] tahu kalau dulu dengan lagu baiyati, lagu (tengah berfikir) lagu apa ini singkof tapi sekarang ini berubah-ubah kata dia Nahawand, rast itu lah yang saya tahu lah keistimewaan kampung ini.

**NSMZ :Boleh imam ceritakan sedikit tentang asal usul masjid kampung tebing tinggi?**

**Imam Hassan :** Masjid yang ada kita duduk pada petang yang berbahagia ini adalah masjid yang yang kedua. Masjid yang pertama dalam (bunyi kipas) di tepi paya dalam kampung jauh dari sini. An [kan] Masjid ini adalah masjid yang diwakafkan oleh orang yang telah meninggal dunia nama dia Sedde bin talib dan kebun-kebun dekat ni [sini] yang di ini itu kepunyaan dia la [lah] tuh [itu] anak-anak dia sekarang malangnya pulak durian-durian di pajak dengan cina ha itu cerita dan masjid ini dibuat pada tahun seribu sembilan ratus enam puluh lapan (1968) ha.

**SHA :Siapakah yang merasmikan masjid ini?**

**Imam Hassan :** Yang merasmikan masjid Yang Amat Berhormat [YAB] Datuk Menteri Besar Johor iaitu Datuk Osman Saad datang mari. (orang bercakap, bergema)

**NSMZ : Apakah jenis (bahan) binaan yang digunakan untuk membuat masjid?**

**Imam Hassan :** Masjid ni dulu adalah kayu-kayu hutan dan masjid yang ada ini yang kita duduk ni adalah buat daripada batu-batu semua ni la kan tudia dah cangih sikit daripada dulu.

**NSMZ : Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga masjid ini?**

**Imam Hassan :** Masjid ini sebenarnya kita telah setiap mana masjid dalam negeri dalam Malaysia mesti ada orang menjaga tapi kadang-kadang yang menjaga itu cuai kita sebuk nama tok siak tok noje tapi kadang-kadang datang hari jumaat aja [sahaja]. Tu [itu] yang sedihnya bila kita nasihat Allah allowance [elaun] kau [awak] 30 ringgit dia sebut. macam itu lah tapi sebenar kita jawatankuasa lah termasuk yang mengimarah masjid macam saudara- saudara kita datang dari Pulau Pinang ini kira

mengimarah masjid la kan (menunjukakn kepada Tabligh di dalam masjid) itu kira sama-sama la [lah] kan. Itu masjid ini mau [mahu] dijaga oleh pengurusan Jawatan Kuasa Takbir Masjid dia ada gambar depan kan itu ada gambar tu. Ha awak tengoklah.

**NSMZ : Berapakah Ahli Jawatankuasa?**

**Imam Hassan :** Ahli lima belas (15) orang.

**NSMZ : Adakah masjid ini menjadi mercu tanda kampung?**

**Imam Hassan :** Memang ini lah mercu tanda kampung. (bunyi bergema suara orang) Dan masjid ini juga telah dua (2) tiga (3) kali diadakan majlis-majlis yang jadi kebanggaan yang beberapa yang tahun lalu yang adakan gandingan Majlis Pengujian Bacaan Al-Quran Peringkat Daerah aaa Mukim Jementah buat sini dua (2) tiga(3) kali lah dan pertandingan berzanji termasuk wanita-wanita semua berkumpul disini lah haa tuh[itu]. Tarikh Itu saya ingat juga tahun sembilan belas lapan puluh (1980), sembilan belas lapan puluh tiga (1983) buat di sini lah, itu lah lapan puluh satu (81) .

**NSMZ: Selain menjadi tempat beribadah, apakah kemudahan yang terdapat di masjid ini?**

**Imam Hassan :** Di kalau sini sebenarnya. Di masjid ini sebenarnya diadakan juga sesetiap hari jumaat dan sabtu kelas mengaji Al-Quran aaa dan mengaji Al-Quran itu sini dia ada gurunya perempuan la salah seorangnya orang rumah saya dan ustaz ustazah yang mengajar sekolah agama dia orang Batu Pahad dan si suaminya orang kampung ini lah pesara tentera.Kampung ini kelas kadang-kadang sepatutnya datang lah 10- 20 orang. Kadang-kadang 8 orang 7 orang takde [tidak] macam saya mengajar dulu. Saya duk [duduk] ngajar [mengajar] di sini tahun 1982 saya ngajar [mengajar] quran ini haa masa itu takda [tiada] allowance [elaun] apa-apa aa takde [tiada] allowance [elaun] suka hati terpulang lah pelajar ikhlas berapa dia nak beri saya, saya tak [tidak] mintak. “ambik la mam [imam]” aa bila khatam itu yang banyak saya dapat kain pelekat orang ini bawak selai [sehelai] orang ini bawak selai [sehelai] itu dia.

**SHBA: Untuk belajar mengaji adakah imam mengenakan sebarang pembayaran, yuran?**

**Imam Hassan :** Tiada- tiada..Walaupun arahan Jabatan Agama sekurang- kurang satu pelajar lima (5) ringgit tapi saya tak [tidak] pungut memandangkan keadaan

kedatangan cam [macam] ini allah tak [tidak] payah lah takde [tiada] memang takde [tiada] pungut Takde[tiada], tapi orang lain orang luar dia pungut tapi pelajar dia ramai pasal allowance [elaun] di bayar kerajaan tiga (3) empat (4) bulan sekali dibayar bukan tiap-tiap bulan aaa habis eh (ya)..

**NSMZ : Kebanyakan siapa yang terlibat dalam aaa dalam process pengajian tu?(kanak-kanak)**

**Imam Hassan :** Kebanyakan Kanak-kanak la cuma remaja dulu tiga (3) orang itu pun remaja perempuan, dulu ramai lelaki dah banyak berkerja sekolah ke luar takde [tiada] dah.

**SHBA : Kebanyakan anak-anak semua penduduk dari sini. Ada tak [tidak] aa kanak-kanak yang dari kampung luar datang ke masjid untuk belajar?**

**Imam Hassan :** Memang takde [tiada] lah. Semua kawasan-kawasan dekat ini.

**NSMZ : Adakah sebarang usaha yang untuk meningkatkan penduduk di sini untuk datang mengaji?**

**Imam Hassan :** Kita memang setiap kali melalui jawatankuasa masjid takbir masjid mesyuarat kita telah bangkitkan supaya terutama anak-anak, anak-anak penduduk tapi kadang-kadang ibarat kata orang tua-tua apa *menjirus air di daun keladi* [pepatah melayu]. Balik-balik orang tu jugak (ketawa). Susah lah masolat mana-mana pon tapi ada tempat bagus. (suara Tabligh di dalam masjid) Yang semangat nak belajar nih [ini].

**SHBA : Selain masjid aaa, balai raya aaaa yang digunakan untuk mesyuarat?**

**Imam Hassan :** Dulu memang mesyuarat di balai raya untuk Jkk kampung di masjid ada balai khas situ bawah itu jawatan kuasa takbir masjid [batuk] .

**NSMZ : Pada pandangan imam, Kenapa penduduk di sini kurang penglibatan dalam aktiviti di masjid?**

**Imam Hassan :** Saya punya pandangan atau pendapat saya terutama sekali bagi pihak ibu bapa lah kalau ibu bapa tak mengambil berat contohnya ini saya mintak maaf la cakap dalam masjid ini rumah yang mulia ini kan aaa tengok para jemaah pun dah tahu orang yang datang saudara kita Pulau Pinang pun tahu berapa orang yang datang balik-balik muka tu jawatan kuasa imam bilal tu je.(merujuk kepada sekumpulan Tabligh di dalam masjid). Kadang imam macam saya , saya dulu masa



saya juru nikah memang satu hari tak [tidak] dapat duduk rumah jaga. Satu (1) mukim jaga pernah satu (1) hari tahun 1996 satu (1) hari saya nikahkan 12 orang tahu. Saya turun pagi pukul 8.30, balik dekat sebelas (1) malam satu (1) mukim jaga aaa orang ini nak 10 pagi orang ini nak sepuluh (10) pagi aaa tu cita dia Tapi Alhamdulillah dapat lah saya dah tak [tidak] jadi juru nikah lagi.

**NSMZ : Adakah terdapat dialet tersendiri di dalam kampung ini?**

**Imam Hassan :** Maksud dia?

**NSMZ : Bahasa?**

**Imam Hassan :** Bahasa yang kebanyakan selain daripada itu salah sorang daripadanya baru balik daripada Beijing. Beijing tahu aaa dia belajar pakar Bahasa jadi anak cucu saya juga dia balik sekarang dia ada di Pulau Pinang (berfikir) Taufik bin Samuji(pagar)bapa dia orang Indonesia Bahasa cina la. Pakar bahasa tu bahasa mandarin la itu sebab Bahasa ini orang melayu kita ada jawa, bugis ada banjau, meleling. Cina ada jugak ada hokkien ada kit da kungfu ada ailam, hakka macam-macam cakap dia tak [tidak] sama contohnya yang saya belajar yang saya mengajar dulu lah dia kata bahasa sekolah contohnya macam mana. awak nak pergi mana tu cakap sekolah cakap dia ni yao qu nali?[ bahasa mandrin] aaa tu cakap sekolah.

**NSMZ : Di kampung ini terdapat persatuan apa lagi selain yang imam sebutkan tadi?**

**Imam Hassan :** Setakat ini takde [tiada] lah cuma itu lah persatuan permuda dulu belia. Belia dah takde [tiada] lagi dah budak muda dah takde[tiada] lagi dah

**NSMZ : Persatuan wanita?**

**Imam hassan :** Wanita. Wanita juga ada tapi wanita tapi Parti siasah", parti siasah la.

**SHA : Sampai sekarang kah?**

**Imam Hassan :** Sampai sekarang ada

**NSMZ: Siapakah yang menjadi orang tertinggi dalam persatuan tersebut?**

**Imam Hassan :** Yang terkini salah seorang daripadanya ialah ketua wanita yang memimpin sini lah kumpulan tu Puan Hajah Hamidah Binti Hassim aaa itu dia.

**NSMZ : Apakah keistimewaan Kampung Tebing Tinggi?**

**Imam Hassan :** Keistimewaan tebing tinggi ni yang pertama sekali di waktu musim buah-buah sejak daripada tahun 40an sampaila sekarang dah [sudah] kurang dah [sudah] memang menjadi buah di kampung ini. ini terutama durian datang rombongan dua (2) tiga (3) bas dari singapore [singapura] makan durian sini setelah lagi itu pulak oleh sebab adanya balai polis eh rumah pasong dan durian ini tadi sampai dijelmakan orang pantun buat pantun sejarah apa dia kata “**rumah pasong tebing tinggi, nampak dari Kuala Segamat, telanjur tuan-tuan ada disini saya doakan semuanya selamat**” tu pantun tu aaa tu dia jadikan, jadikan macam ingatan pada orang itu datang kemari aaa “nampak dari Kuala Segamat” dia cerita tadi laa rumah pasong itu dulu kalau naik atas tebing tu sebab tu nama tebing tinggi nampak bandar segamat aaa.

**SHA: Setiap penduduk di sini mempunyai dusun buah?**

**Imam Hassan :** Memang dulu boleh kata semua oleh sebab buah dah tak menjadi diaorang tebang jual batan g balak durian sekarang dah meyesal sendiri ni yang tok ni yang sekolah ni yang pajak ni lepas tu pajak dengan cina. Asstarfirullah hal azim .

**NSMZ: Imam simpan tak [tidak] gambar keratan akhbar yang lama berkenaan kampung tebing tinggi?**

**Imam Hassan :** Takde [tiada]. Takde [tiada].

**NSMZ : Di bawah kampung tebing tinggi terdapat berapa buah kampung?**

**Imam Hassan :** Dalam Kampung Tebing Tinggi ni kalau disebut nama ada dua (2) tiga (3) tempat yang berbeza tapi dalam kawasan tebing tinggi contohnya dikatakan Kampung Gelunyaw ada 3 biji rumah dulu, Kampung Jawi dua (2), tiga (3) biji rumah juga dulu. Kawasan Tebing Tinggi la maksud nya dulu kawasan jagaan saya lah dulu saya jaga satu (1) Jementah ada 13 masjid termasuk UITM kawasan saya kalau nikah orang saya yang niakahkan orang tu. Penah [pernah] pensyarah UITM saya nikahkan orang Pulau Pinang itu aaa. Lagi satu (1) Kampung Tanjung putus nama sebijik [sebiji] rumah ja ada, sebijik [sebiji] rumah.

**NSMZ: Sungai dihadapan rumah imam itu masih digunakan lagi?**

**Imam Hassan :** Digunakan untuk orang mencari rezeki menangkap ikan. Itu saja [sahaja]



**NSMZ : Ini soalan terakhir boleh imam bagi sepatah dua kata.**

**Imam Hassan :** Jadi saya sebagai imam di kampung ini pertama sekali mengucapkan banyak terima kasih lah bagi pihak pelajar Uitm Johor yang datang ke kampung ini memilih kesempatan ingin tahu serba sikit masalah kampung dari segi penduduk, sejarah kampung, apa juga yang terkenal dikampung ini dan bagaimana penduduk-penduduk disini mendapat rezeki bercucuk tanam dan serumpamanya. Ini adalah dengan sebab usaha mereka sendiri dan apa yang telah saya ceritakan ini saya mohon ampun dan maaf kiranya tersilap salah sebab saya ini mendapat cerita daripada orang tua-tua dulu haa. Bukan saya reka, bukan saya pandai-pandai buat apa yang cerita ini ada bukti saya boleh tunjukan ini , di makam ini semua ada haa itu mengikut cerita orang tua dulu-dulu. Cuma tidak ditulis tarikh bila makam ini di kebumi sini siapa pon tak [tidak] tahu. Aaa hutan rimba masa itu rimaau gajah dia banyak, sini pon pernah dimakan dek [oleh] rimau dulu aaa. Ok [baiklah] terima kasih lah mudah-mudahan saya doakan awak semua berjaya. Dan bila nak ambik periksa [peperiksaan ni?

**NSMZ : Bulan dua belas (12)**

**IMAM HASSAN:** Bulan dua belas (12) taun [tahun] depan ya(ketawa). aaa lambat lagi budi ikhlas bawak lah air saya boleh mohon pada Allah Taala kan.

**SHA : Inshaallah**

**Imam Hassan :** Lapangkan, bukakan hijab kita minda kita , fokuskan kita punya dengan izan allah la ye [ya]. Insha allah. Assalamualaikum. W.b.t.

**Sekian sahaja wawancara bersama Tuan Haji Hassan bin Raja Atan, semoga wawancara ini dapat memberi manfaat dan juga kebaikan sekian terima kasih.**

**TAMAT.**

## **TRANSKRIP WAWANCARA**

### **PENEMUBUAL**

- 1. SITI HAJAR BINTI AZIS [SHA]**
- 2. NURUL SHAMSHIDA BINTI MOHAMAD ZUBAI [NSMZ]**

### **SESI KEDUA**

**Berikut merupakan rakaman wawancara sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Tebing Tinggi. Beliau merupakan antara individu yang lebih mengetahui susur jalur kampung tebing tinggi. Beliau turut menjadi orang penting dalam mengesahkan sejarah kampung ini. Bersama saya pada waktu ini Encik Mohamad bin Ali , iaitu ketua kampung bagi kampung tebing tinggi. Rakaman ini dikendalikan di Alamat Lot 1404 Jalan Mohamad Latif Kampung Tebing Tinggi 85200 Jementah Segamat Johor pada 09 december 2017 jam 12 tengah hari. Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya Siti Hajar Binti Azis dan sahabat saya Nurul Shamsida Binti Mohamad Zubai. Dengan ini saya memulakan wawancara tersebut.**

Wawancara dimulakan.

**SHA :Assalamualaikum encik?**

**Tok Mad :** Waalaikummussalam w.b.t

**SHA: Pertama sekali boleh encik nyatakan nama penuh encik?**

**Tok Mad :** Boleh. Nama saya Mohamad Bin Ali

**SHA: Adakah encik mempunyai apa-apa gelaran di kampung ini?**

**Tok Mad :** Orang sini. Ni [ini] ketua kampung. Orang panggil Tok ketua.

**SHA: Tok ketua?**

**Tok Mad :** Ha..[ya]

**SHA: Boleh saya gunakan panggilan tersebut dalam perbualan kita ini?**

**Tok Mad :** Boleh. Boleh

**SHA: Berapakah umur tok sekarang?**

**Tok Mad :** aaa 61 tahun

**SHA: Tarikh lahir tok?**

**Tok Mad :** aaa 5/9/56

**SHA: Dimanakah tempat kelahiran tok?**

**Tok Mad :** aaa Kampung pogoh segamat.

**SHA: Adakah tok merupakan anak jati kampung ini?**

**Tok Mad :** Aaa tidak.

**SHA: Pada tahun bilakah tok mula datang ke kampung ini?**

**Tok Mad :** (berfikir) Masa kampung Ini lebih kurang dalam tahun 2011.

**SHA: Atas sebab apakah tok datang ke sini?**

**Tok Mad :** (berfikir) menjaga apa tanah pusaka yang di tinggalkan oleh arwah ibu.

**SHA : Bagaimanakah keadaan kampung ini semasa tok baru berpindah kesini?**

**Tok Mad :** Kampung ini (berfikir) macam yang ada sekarang ini lah.

**SHA : Adakah terdapat sebarang perubahan sejak menetap disini?**

**Tok Mad :** Perubahan takde [tiada]. Takde[tiada] apa-apa perubahan la [lah] cuma segi pada pembangunannya lah ada perubahan sikit ja [saja] lah itu ja [saja] lah.

**SHA : Boleh tok ceritakan sikit tentang latar belakang keluarga tok?**

**Tok Mad :** latar belakang. Latar belakang (berfikir) boleh anu [merujuk sesuatu] isteri bernama Zahrah Binti Yunus aa berasal dari Kampung Batu Badak la aa haa dan mempunyai keluarga lima (5) orang anak yang, yang sulung berada di Skudai Johor yang nombor dua (2) berada di Segamat Baru number tiga (3) berada di Sekolah Menengah Arab Gubah aa number empat (4) bersama dengan saya nombor (5) bersama dengan saya.(bunyi suara orang)

**SHA : Adakah isteri tok memang berasal dari kampung ni?**

**Tok Mad :** Tidak.

**SHA : Beliau tinggal di mana? asal dari mana?**

**Tok Mad** : Asal dia dari kampung Batu Badak, aa Kampung Badak .

**SHA : Bilangan adik beradik tok?**

**Tok Mad** : Saya. Bilangan adik beradik satu (1) ibu satu (1) ayah saya ada dua (2) orang lain bapa ada sorang tapi dah meninggal kalau lain satu (1) ayah lain ibu lebih kurang dalam sebelas (11) orang tapi yang berapa orang di telah bagi kepada orang, orang nak jadi anak angkat. (berfikir) Yang berada di Bidoi ahhh Bidoi berada ada tiga (3) orang adik saya, lain di Palung, di Kuala Lumpur, di Batu Pahat, di Kluang, diaorang tinggal sana Perak (suara isteri tok) lepastu di Perlis. Semua dah [sudah] berkeluarga lah.

**SHA : Adakah ibu bapa isteri tok memang asal sini la?**

**Tok Mad** : Aa tak [tidak] sat [sekejap] aa. Mak mertua memang asal sini la tapi lepas itu dia telah pindah ke Batu Badak la tapi sekarang ini dia dah [ sudah] meninggal la dah [sudah] takde [tiada] dah [sudah] ibu mertua, bapa mertua pun dah [sudah] takde [tiada] begitu jugak [juga] dengan saya, ibu bapa aa ayah saya ngan [dengan] ibu saya takde[tiada] dah [sudah], dah [sudah] meninggal dah [sudah]. Lama dah[sudah].

**SHA : Ada tak [tidak] anak-anak tok yang tinggal dengan tok?**

**Tok Mad** : Aa itu lah tadi yang dua (2) orang itu. dua (2) orang itu tinggal dengan saya.

**SHA : Sudah berkeluarga?**

**Tok Mad** :Aaa satu (1), satu (1) lagi yang belum. Satu (1) dah berkeluarga.(suara isteri tok)

**SHA : Perkerjaan ibu bapa tok pada dulu, dahulu?**

**Tok Mad** : Kerja kampung.(suara isteri tok)

**SHA : Cucu tok ada berapa orang?**

**Tok Mad** : Ada 6 orang.

**SHA : Siapakah yang menjaga cucu tok?**

**Tok Mad :** Saya menjaga sorang saja lah yang lain semua ibu bapa dia yang menjaga.

**SHA :** Berapa orangkah yang tinggal bersama tok?

**Tok Mad :** dua-dua (berfikir). 3 keluarga lah

**SHA :** Masih bersekolahkah?

**Tok Mad :** Berkerja.

**SHA :** Boleh tok ceritakan sedikit latar belakang pendidikan tok?

**Tok Mad :** Saya mula dari sekolah rendah. Pastu [selepas itu] bersekolah menengah saya buat persendirian. Sekolah menengah selepas itu saya terus berkerja lah. selepas pada itu.

**SHA :** Sekolah rendah dimana?

**Tok Mad :** Sekolah rendah di kampung, Sekolah Kebangsaan Kampung Pogoh. Lepastu saya berpindah ke sekolah kebangsaan dalam kampung selepas itu saya berpindah lagi di sekolah Kebangsaan Sungai Besi Kuala Lumpur.

**SHA :** Mata pelajaran yang tok suka?

**Tok Mad :** Saya suka ilmu alam.

**SHA :** Selepas sekolah rendah tok sambung belajar di sekolah mana?

**Tok Mad :** Saya. Selepas sekolah rendah, saya berkerja sementara lepas itu saya buat belajar sambilan sekolah menengah ambik peperiksaan persendirian.

**SHA :** Pada tahun berapakah tok tamat pengajian?

**Tok Mad :** Saya sekolah habis tahun tujuh puluh (70), tujuh puluh (70)an la.( bunyi motor)

**SHA :** Apakah jawatan tertinggi semasa tok sekolah?

**Tok Mad :** Ouhh saya masa sekolah . saya ...ja.Jawatankuasa sukan lah aa masa sekolah lah itu dia.(suara cucu tok)

**SHA :** Boleh tok kongsi sikit mungkin ada pengalaman manis yang tok tak dapat lupakan semasa zaman belajar dahulu?

**Tok Mad :** aaa Pada masa saya itu saya cuma apa. Saya tak [tidak] dapat lupa lah dengan bersama dengan kawan-kawan la yang,yang takde [tiada] buat masa ini mungkin dah takde [tiada] itu lah yang saya tak [tidak] dapat lupakan . kawan kawan la [lah] masa belajar.

**SHA :** Tok ada memegang apa-apa jawatan dikampung ini ?

**Tok Mad :** Saya sekarang memegang jawatan Tok Ketua kampung untuk mengambil alih pada ketua kampung yang selepas la [lah] .

**SHA:** Sebelum ini tok pernah berkerja sebagai apa?

**Tok Mad :** Saya berkerja pengawal keselamatan di UTM Sekudai .

**SHA :** Berapa lamakah tok berkerja?

**Tok Mad :** Lebih kurang tiga puluh satu (31) tahun. Saya berkerja lepas itu pada tahun itu saya bersara lah. (suara cucu tok) (bunyi burung).

**SHA :** Sebagai ketua kampung berapa lamakah?

**Tok Mad :** Ketua kampung baru setahun lebih.

**SHA :** Selalunya berapa lama seseorang di beri peluang menjadi ketua kampung?(bunyi burung)

**Tok Mad :** Ketua kg lebih kurang dalam tujuh (7) tahun sehingga umur dia menjangkau ke enam puluh lima (65) tahun. Sebagaimana dia semasa umur dia berapa tahun dia pegang sehingga lah umur di enam puluh (60), enam puluh lima (65) tahun situ lah lama dia tapi kalau mengikut ini sampai lima (5) tahun ada enam (6) tahun ada tahun (7) tahun pun ada .

**SHA :** Adakah salah seorang dari ahli keluarga tok ada terlibat dalam jawatankuasa kampung?

**Tok Mad :** Keluarga takde [tiada] .

**SHA :** Boleh tok cerita kan sedikit pengalaman sepanjang menjadi ketua kampung?

**Tok Mad :** Pengalaman-pengalaman saya dari segi itu lah dari segi anu [merujuk sesuatu] masalah kampung lah. Masalah kampung apabila dia satu-satu projek kerajaan yang bagi itu lah yang kita menghadapi masalah yang dalam kampung lah

dalam kampung projek-projek lambat dapat, rungutan-rungutan orang kampung. itu masalah lain takde[ tiada] ape [apa].

**SHA : Apakah jenis cabaran yang tok lalui sepanjang memegang jawatan itu?**

**Tok Mad :** Cabaran dia aa iyalah takde [tiada] apa cabaran tapi cabaran kita pada ini lah penduduk-penduduk kampung lah. Mereka mendesak kita bila nak cepat siap projek ini lah, ini dapat ini tak [tidak] dapat itu yang mendesak itu yang beri tekanan sikit la [lah] lain takde [tiada] apa.

**NSMZ:Adakah sebarang tindakan yang tok ambil dalam mengelakkan pekara tersebut?**

**Tok Mad :** Tindakan itu kita akan buat pada,pada Tok Penghulu. Tok penghulu Mukim Jementah Lepas itu tok penghulu akan bawak kepada pejabat daerah la [lah] apa-apa masalah kampung jadi saya, saya cuma buat laporan pada Tok Penghulu, Tok Penghulu bawak ke pejabat daerah la .

**SHA : Siapakah Tok Penghulu Mukim?(Bunyi Burung)**

**Tok Mad :** Penghulu Mukim Jementah Tok Zaidi Bin Sajidan.

**NSMZ : Dia masih memegang?**

**Tok Mad :** Ya dia Penghulu Mukim Jementah.

**SHA : Adakah tok mempunyai pembantu atau orang kanan?**

**Tok Mad :** Saya ada setiausaha Jkk laa (bunyi burung) dia itu lah yang membantu saya dan juga jawatankuasa, jawatan kuasa kampung .

**SHA : Siapakah yang banyak memberi nasihat dan motivasi kepada tok?**

**Tok Mad :** Kawan-kawan la [lah] sahabat . sahabat sahabat yang bnyak bagi dorongan .

**SHA : Dan sepanjang tok menjadi ketua kampung di kampung ini adakah tok pernah mendapat penghargaan atau apa-apa anugerah?**

**Tok Mad :** Belum lagi lah. Buat masa ini belum lagi lah pasal baru. Lama tak[tidak] tahu la [lah].

**SHA : Apakah perasaan tok sepanjang berada di kampung ini?(bunyi burung)**



**Tok Mad** : Perasaan saya suka pun ada sedih pun ada aaa an aaaa (gagap). Sedih nya sebab keadaan penduduk kampung dia terlampau mendesak apa benda an [kan] jadi itu lah saya rasa sedih lah apa-apa jadi saya pasal saya suka duduk di sini sebab Keadaan ketenang kampung suasana kampung la [lah] sebab itu la [lah] tak [tidak] macam duduk di bandar bising an [kan] itu lah ketenangan dia. (bunyi burung)

**SHA** : Adakah tok bercita-cita menjadi ketua kampung?

**Tok Mad** : Memang takde [tiada] tapi orang kampung (suara isteri tok) anu [merujuk sesuatu] suruh saya memegang jawatan itu sebab takde[tiada] orang lain jadi saya ambik lepastu [selepas itu] kebetulan pulak p [pergi] temuduga dia terima jadi itu lah masa pegang saya memang tak [tidak] minat pasai kampung nih[in].

**SHA** : Berapa buah kampung kah? Berapa buah kampung dan taman di bawah jagaan tok?

**Tok Mad** : Buat masa nih aaa Pertama sekali Kampung Tebing Tinggi dan Kampung Rakaian aaa Kampung Tanah Banjir aa itu lah jagaan saya .

**SHA** : Bagaimanakah tok dipilih sebagai ketua kampung?

**Tok Mad** : Mungkin dari segi apa personaliti la [lah] apa personaliti dan juga dalam pengalaman perkerjaan dulu saya masih berkerja dulu ada pengalaman an [kan] mungkin di situ dia pilih.

**SHA** : Adakah tok mengekalkan cara pentadbiran kampung seperti sebelumnya atau tok ada melakukan perubahan ? (bunyi burung)

**Tok Mad** : Aaa saya tak [ tidak] tak [tidak] ikut yang lama saya buat perubahan lah pasai apa saya akan melantik jawatankuasa yang baru pastu saya akan buat apa perancangan kampung ini yang hendak di majukan sesuatu projek buat masa sekarang ini itu hari projek tanah kubur dah [sudah] dapat tembok pastu [selepas itu] sekarang ini duk [duduk] baik pulih balai raya lepastu [selepas itu] dewan serbaguna dalam proses perbinaan aa sekarang nih kita buat la [lah] oleh luar bandar laa [lah] yang Pra Desa punya. (bunyi bising)

**SHA** : Adakah tok di bantu oleh pembantu atau ahli jawatan kuasa dalam melaksanakan tugas sebagai ketua kampung?



**Tok Mad :** Aaa Mana, Mana-mana yang mereka diperlukan untuk membantu diorang bantu lah aaa mana yang dari pejabat, Pejabat Daerah aaa saya akan bagi kepada tok penghulu.

**SHA :** Berapakah ahli jawatankuasa di bawah tok?

**Tok Mad :** Aaa lebih kurang lima belas (15)orang

**SHBA :** Apakah aktiviti atau program yang sering di jalankan oleh kampung?

**Tok Mad :** Sini biasa kampung sini aktiviti pertama skali anu [merujuk sesuatu] dalam gotong royong dalam kampung, yang kedua aktiviti anu [merujuk sesuatu] raidah di masjid-masjid la [lah] masa itu macam ada program-program dari KEMAS (bunyi kucing) daripada anu [merujuk sesuatu] jawatankuasa U.M.N.O [UMNO] jadi dia akan buat raidah di kampung ini lah. (bunyi kucing).

**SHA :** Apakah aktiviti dan program yang dijalankan mendapat sokongan dan penglibatan yang mengalakkan daripada penduduk? sama ada dari generasi muda, generasi lama?

**Tok Mad :** Buat masa ini aaa jenerasi muda lah. (bunyi kucing) Kita nak bagi naik generasi muda sukan aktiviti kampung, pemuda sekarang tengah buat aktiviti futsal lah dengan aktiviti yang rondaaan-rondaan kampung aa. Pemuda-pemudalah yang saya titik beratkan.

**SHA :** Adakah persatuan-persatuan itu bergiat aktif?

**Tok Mad :** Aaa dia beraktif [masih aktif] lah sekarang masa sekarang dia aktiflah, pasal sebab anu [merujuk sesuatu] saya bagi pemuda aa untuk yang mengendalikan benda-benda program ini. Pemuda-pemuda.

**SHA :** Adakah mereka terus mendapatkan galakan dan nasihat daripada tok?

**Tok Mad :** Aaa dia apa-apa pon masalah dia akan bercerita dengan saya. Beritahu. kalau masalah itu ini melibatkan ini luar. Saya akan mintak nasihat dari Tok Penghulu la aaa (bunyi burung)

**SHA :** Boleh tok ceritakan serba sedikit tentang pengalaman manis sepanjang memegang jawatan sebagai ketua kampung?

**Tok Mad :** Masa pengalaman manis takde [tiada] apalah cuma yang baru dapat itu memang seronok lah aa itu ja [sahaja] lah. Bila kita baru pegang jawatan aaa jadi

jumpa berkumpul dengan kawan-kawan yang kita tak kenal aaa berjumpa dengan ini anu Menteri–Menteri an [kan] jadi masa itu lah yang dia seronok-seronok itu aaa jadi ketua kampung ini dan pasai apa, apa-apa pun program kita akan di umum dan diberitahu Tok Penghulu dan Tok Penghulu akan info [memberitahu] kepada kita semua ketua kampung mari ada program okey [baiklah] menteri ini nak datang, Sultan Johor nak buat kembara aaa jadi di situ jadi seronok la [lah] aa.(bunyi burung)

**NSMZ : Bagaimanakah pemilihan menjadi ketua kampung? Adakah melalui undian?**

**Tok Mad :** Dia takde [tiada] melalui undian, dia melalui mana kekosongan ada lepastu [selepas itu] kita akan mengisi borang yang dikeluarkan oleh Pejabat Daerah dan disokong oleh Penghulu Mukim aa selepas itu proses aaa Pejabat Daerah yang proses sama ada layak dengan tak layak dia akan panggil temuduga aaa itu. (bunyi burung)

**SHA : Boleh tok ceritakan secara ringkas peranan yang di mainkan oleh ketua kampung dan apa bidang kuasanya?**

**Tok Mad :** Bidang kuasa ketua kampung bagaimana dari penduduk-penduduk tempatan misal kata masa itu dia mintak bantuan ataupun mintak sokongan daripada segi apa buat pengesahan lah. Pengesahan untuk projek getah semula, atau perkahwinan, untuk (berfikir) anak-anak sekolah aaa jadi situ lah mintak perkhidmatan ketua kampung. Kalau misal kata sekiranya melibatkan tok penghulu kita akan membawa kepada tok penghulu la [lah] yang adakan sokongan lagi aaaa.

**SHA : Ada tak kenangan pahit sepanjang menjadi ketua kampung?**

**Tok Mad :** Buat masa ini belum ada lagi lah .belum ada la [lah] an [kan].

**NSMZ:Boleh tok terangkan sedikit apa, dari mana kampung ini mendapat nama? (bunyi kucing)**

**Tok Mad :** Dari pada kampung ini yang saya tahu lah dorang bagi tahu saya dulu masa darurat dulu dia melalui jalan sungai masatu [masa itu] darat-darat belum ada lagi selepas itu di kawasan rumah imam itu ada tebing tinggi yang nampak Bandar Segamat masa itu jadi di situ lah ada puncanya terletakinya nama Kampung Tebing Tinggi. Pasai nampak Bandar Segamat dia dekat rumah imam itu lah .

**NSMZ : Bilakah kampung ini mula ditubuhkan?**

**Tok Mad** : Haa itu saya takde [tidak] pasti lah sebab saya pun takde [tidak] duduk sini dulu. Tak [tidak] tahu sejarah itu kampung itu.

**NSMZ** : Berapakah jumlah ketua kampung yang ada?( tidak faham soalan)

**Tok Mad** : Lebih rumah lebih kurang dalam 300 Orang. Lebih kurang rumah lebih kurang dalam 100 lebih rumah.

**SHA** : Itu penduduk kampung?

**Tok Mad** : Ha penduduk kampung la [lah] ha [ya].

**NSMZ** : Tok ketua kampung yang keberapa?

**Tok Mad** : Saya ketua kampung yang ke empat (4) la. Haa ke empat (4).

**NSMZ** : Dalam anggaran tok berapakah jumlah penduduk di dalam kampung?

**Tok Mad** : Aaa lebih kurang dalam 300 orang la [lah]

**NSMZ** : Terdapat berapa kampung dibawah kampung tebing tinggi?

**Tok Mad** : (bunyi angin)Saya jaga kampung tebing tinggi, pastu [selepas] Kampung Rakaian, Kampung Tanah Banjir dengan ada Pusat Latihan Felcra. Dia ada penduduk. Disana ada lebih sepuluh (10) keluarga la [lah] anu [merujuk sesuatu] felcra. Tu [itu] lah dalam jagaan saya.

**NSMZ** : Bolehkah tok gambarkan secara ringkas keadaan ekonomi penduduk kampung tebing tinggi pada masa kini?

**Tok Mad** : Aaa masa kini penduduk kampung ekonomi dia daripada segi hasil tanaman getah, dan juga hasil tanaman sawit selebihnya adalah buat sampingan iaitu pergi menang...(gagap) nelayan lah.aaa nelayan senang cerita lah aaa itu ja [sahaja] lah ekonomi dalam kampung ini saya tahu lah. Yang lain takde[tiada] lah dari segi itu ada berniaga-berniaga warung itu lah yang ada.

**NSMZ** : Penduduk di kampung ini boleh diketegori sebagai Berada, sederhana atau miskin?

**Tok Mad** : Aaa Tahap yang sederhana ja [sahaja] lah. Miskin tidak kaya pun tidak la [lah]. Sederhana.

**SHA : Anggaran pendapatan isi rumah?**

**Tok Mad :** Isi rumah lebih kurang dalam 600 kebawah la [lah]. Isi rumah.

**NSMZ : Adakah disini mempunyai peluang pekerjaan yang luas?**

**Tok Mad :** Dalam kampung ini ada peluang pekerjaan iaitu di kawasan Tanah Banjar sekarang ada satu projek aa dari segi masuk pelancongan lah iaitu Perusahaan Kelulut aa. Jadi anak-anak kampung aaa dapat lah berkerja di tempat Pengurusan Kelulut.

**NSMZ : Adakah terdapat penduduk yang menghasilkan produk buatan sendiri?**

**Tok Mad :** Ooo buat masani [masa ini] tak[ tidak] ada lagi. Takde [tiada].

**NSMZ : Adakah penduduk dari kampung ini telah menjadi usahawan yang berjaya.?**

**Tok Mad :** ooo Ada yang dah berjaya usahawan tapi semua dia dah duduk di luar kampung lah dia dah berhijrah ke luar kampung tempat lain.

**NSMZ : Adakah penduk kampung mengusahakan perkhidmatan seperti Homestay untuk orang luar datang kesini?**

**Tok Mad :** Buat masa ini homestay desa belum ada lagi baru dalam perancangan nak buat. Jadi kita lokasi-lokasi itu tak [tidak] tau [tahu] lagi bagaimana kita akan bincang dengan jawatan kuasa kampung lah maca mana tempat mana macam mana nak buat memang takde la [lah] . Buat masa ini takde [tiada].

**NSMZ : Kebanyakan anak muda berkerja disini atau berhijrah ke tempat lain?**

**Tok Mad :** Kebanyakan yang masa sekarang ini berhijrah ke luar, yang ada jugak yang menentap di kampung.

**NSMZ : Kebanyakan orang luar datang sini berkerja dalam bidang apa?**

**Tok Mad :** Dia orang luar datang sini pertama sekali dia bahagian jaga bahagian ladang, ladang ternakan. Dia menjaga Pasa [sebab] pa [apa] sini kita ada bela ternakan ayam , ternakan lembu dan ladang itu ja [sahaja] lah yang ada dalam kampung

**NSMZ : Berdasarkan pemerhatian kami kampung ini memiliki tanah yang subur adakah penduduk kampung menggunakan keistimewaan ini untuk melakukan aktiviti seperti bercucuk tanam.?**

**Tok Mad :** Aa Ada. Ada yang usahakan cucuk tanam. Ada yang menggunakan kampung ini tanam tanaman kontan la.

**NSMZ :** Adakah tanaman penduduk pernah diserang oleh haiwan perosak?

**Tok Mad :** Aa itu paling banyak sekali lah. Haiwan. Haiwan seperti monyot, lotong, beruk, pastu yang ini aaa babi an aaa itu yang yang musuh banyak sekali la [lah]. Tu [itu] ada tanaman ada yang jadi ada yang tak [tidak] jadi [menjadi].

**SHA :** Adakah produk-produk da ri hasil tanaman dipasarkan?

**Tok Mad :** Produk-produk ini dia buat masani [masa ini] tak [tidak] takde [tiada] lah. Kalau tanaman kontan dia untuk makan sendiri la [lah] tiada lagi yang nak keluar aaa yang ada pun perusahaan kelulut aaa itu ada produk-produk yang dijual dipasaran luar. Aaa jadi kalau misal kata diorang nak datang melawat boleh lah datang ke tempat ini tanah banjir ke perusahaan kelulut boleh tengok sendiri bagaimana di ada situ, disitu ada anu [merujuk kepada sesuatu] belaan kelulut, sarang-sarang kelulut, tanaman yang dijual seperti benih-benih herba aaa bunga-bunga aaa baja-baja, pasu semua ada dia sana selepas tu sebelah tu ada pulak aaa kedai makan aaa. kafe. Kafe. aaa Misal kata jadi sapa-sapa [siapa-siapa] yang macam kawan-kawan sahabat-sahabat nak datang boleh la [lah] pagi sampai malam.

**SHA :** Adakah kelulut menjadi tarikan kepada pelancong?

**Tok Mad :** Buat masa sekarang memang tarik pelancong, memang hari-hari ada pelancong datang aa pasal [kerana] dia dah [sudah] masuk dalam program pelancongan aaa Negeri Johor.

**NSMZ :** Adakah sebarang aktiviti dilakukan untuk menambah pendapatan penduduk kampung?

**Tok Mad :** Aktiviti buat masani [masa ini] takde [tidak] lah yang cuma yang ada itu lah dia buat tanaman sendiri lah untuk supaya tidak membeli lah pada di luar beli barang macam beli benda-benda yang boleh ditanam aaa jadi kita tanam la [lah] aaa itu ja [sahaja] untuk kegunaan sendiri.

**NSMZ :** Majoriti awal penduduk sini asal dari mana?

**Tok Mad :** Ada yang asal dekat sini, ada yang datang kemari asal tempat lain datang ke sini pasal [kerana] atuk-atuk diorang [mereka] dulu masatu [masa itu] berasal dekat sini jadi diaorang [mereka] datang kemari la [lah].

**SHA :** Adakah terdapat apa-apa bentuk undang-undang yang dilaksanakan dalam kampung ini?

**Tok Mad :** Buat masani [masa ini] undang-undang takde [tiada] apa-apa la [lah] undang-undang ya dalam kampung ini takde [tiada] undang-undang. Cuma kita buat pantauan la [lah] misal kata ada buat yang pedatang masalah di kampung ini kita akan terus melaporkan kepada pihak berkuasa jawatan polis la [lah].

**SHA :** Jika mereka ingin memulakan sesuatu perniagaan atau pertanian mahupun penternakan , adakah terdapat sebarang bantuan untuk mereka dari segi kewangan?

**Tok Mad :** Aaa sekiranya dia akan beri pada pejabat haiwan lah kalau nak jaga binatang, binatang dia akan berhubung dengan jawatan haiwan, kalau tanam berjumpa pada perusahaan getah, dan juga anu sawit dia akan berjumpa bahagian sawit pejabat MOB an jadik [jadi] situ ar [lah].

**SHA :** Jika mereka ingin memulakan Sesuatu perniagaan atau pertanian mahupun penternakan , adakah terdapat sebarang bantuan untuk mereka dari segi kewangan?

**Tok Mad :** Aaa memang ada bantuan tapi dia akan berhubung pada pejabat-pejabat yang berkenaan la perternakan dia ada perikanan, anu [merujuk sesuatu] haiwan dan juga pertanian lah pejabat-pejabat.(bunyi cucu tok)

**NSMZ :** Kemudahan apakah yang terdapat di kampung ini?

**Tok Mad :** kemudahan persendirian la [lah] motorkar [kereta] dan juga motosikal kemudahan dia itu. (suara cucu tok)

**SHA :** Kemudahan apakah yang terdapat di kampung ini? Seperti surau, gelanggang, dewan serbaguna)

**Tok Mad :** Yang ada sekarang ini di kampung ini kemudahan awam ini. Sekolah, Balai Raya, Tadika Kemas, dengan Masjid lah dalam kampung.(bunyi angin) Dewan dalam pembinaan la [lah], dalam proses pembinaan dewan. (bunyi angin).

**NSMZ :** Dari segi bekalan air atau elektrik adakah di jana dengan sebaiknya kepada penduduk kampung?



**Tok Mad :** Buat masani [masa ini] alhamdulillah la [lah] baiklah pada pasai pa [apa] macam letrik [elektrik] daripada TNB(bunyi cucu tok) la [lah] macam air daripada SAJ buat masa ini alhamdulillah takda [tiada] apa-apa masalah la [lah].

**NSMZ :** Bagaimanakah jalan perhubungan di kawasan kampung ini pada masa dahulu?

**Tok Mad :** Masa dahulu jalan dia sebelum ada jalan raya digunakan jalan dalam dekat sungai lah yang utama sekali. Selepas dia buat jalan raya baru sungai dia kurang digunakan lah aaa itu lah sekarang ini yang yang ini sampai sekarang masa sekarang la [lah] jalan raya la [lah].(bunyi angin)

**NSMZ :** Setelah dibandingkan dengan jalan perhubungan yang sekarang bagaimana?

**Tok Mad :** Kira alhamdulillah baik lah. Daripada dulu yang sekarang lah lebih baik lah pasai apa jalan darat kita gunakan takde [tiada] guna jalan sungai, alhamdulillah la [lah] baik. (bunyi budak)

**SHA:** Berapa lama masa di ambil untuk sampai ke bandar?

**Tok Mad :** Lebih kurang dalam setengah jam.

**NSMZ :** Adakah perkhidmatan pengangkutan awam ada disediakan untuk penduduk kampung? (bunyi suara cucu tok)

**Tok Mad :** Buat masa ini, takde [tiada] yang ada pun teksi aaa, teksi penduduk aaa kampung ada, itu ja [sahaja] yang ada awam , pengangkutan awam

**NSMZ :** Adakah kampung ini dalam perancangan untuk dimajukan? (budak)

**Tok Mad :** Buat sekarang ini dalam perangkaan la [lah] untuk dimajukan. Itu pun pihak kelulusan dari pihak kerajaan. Apa yang kita buat kita maju kan lah. Memang ada perancangan kita dah [sudah] mohon dengan kerajaan jadi kelulusan itu kerajaan yang meluluskan jadi ada yang dah [sudah] dilaksana ada yang belum.

**NSMZ :** Ada atau tidak apa-apa jenis persatuan yang ditubuhkan di kampung ini?

**TOK MAD :** Buat masani [masa ini] yang ada WANITA la [lah], Pemuda ada aktiviti pemuda punya itu yang ada sekarang ini Wanita dan PEMUDA la [lah].

**SHA :** Pemuda itu seperti RELA?

**Tok Mad :** Seperti ini lah macam pegawai malam, lepas itu persatuan futsal aaa jadi sukan itu dia lah PEMUDA. (Budak menagis)



**NSMZ : Berapa lamakah persatuan itu ditubuhkan?**

**Tok Mad :** Semenjak pemuda ambil alih yang baru benda itu berjalan.

**NSMZ : Ramaikah yang terlibat?**

**Tok Mad :** Yang terlibat adalah pemuda-pemuda kampung, yang terlibat dan juga pasukan terlibat dengan kampung-kampung yang lain la [lah]. (bunyi kertas)

**NSMZ : Apakah tujuan persatuan itu ditubuhkan?**

**Tok Mad :** (suara cucu tok) Pertama sekali mengiratkan untuk silaturahim antara anu [merujuk sesuatu] pemuda dan dewasa. Yang keduanya perhubungan antara kampung-kampung yang berdekatan kita menjadi rapat itu tujuan dia sebenar, tujuan yang utama la [lah]. Kemudian itu dari segi kesihatan daripada itu kita buat proses sukan la [lah].

**NSMZ : Persatuan tersebut masih aktif?**

**Tok Mad :** Buat masani diaorang [mereka] aktif la [lah] pemuda. Aktif

**NSMZ :Sekarang kita masuk berkaitan dengan bencana. Adakah terdapat sebarang bencana yang berlaku di kampung ini?**

**Tok Mad :** Bencana buat masa ini yang ada pun bencana aaa mengalami banjirlah pada tahun lepas. Tahun lepas la [lah] ada lebih kurang lima belas (15) keluarga yang kena pindah la [lah] sebab kena bencana alam kan banjir itu ja [sahaja] la [lah].

**NSMZ : Apakah faktor utama yang menyebabkan banjir di kampung ini?**

**Tok Mad :** Yang pertama sekali kampung ini berdekatan dengan sungai. Yang kedua faktor dia tanah rendah jadik [jadi] bila tanah rendah air sungai dah penuh melepiah ia akan pergi ke rumah-rumah yang tanah rendah di sini. Itu yang menyebabkan banjir.

**NSMZ : Apakah kemudahan yang disediakan apabila berlakunya banjir?**

**Tok Mad :** Kita akan maklumkan kepada atasan kemudian bantuan akan dapat pada Jawatan-Jawatan Awam aaa buat masa ini Jawatan-Jawatan Awam dan jugak arahan daripada Pejabat Daerah.

**NSMZ : Di manakah lokasi mangsa banjir ditempatkan?**

**Tok Mad :** Yang lepas kita letakkan di dewan masjid aaa masjid tahun lepas

**NSMZ :** Tahun bilakah banjir teruk berlaku di kampung ini? Boleh ceeritakan serba sedikit? (bunyi suara cucu tok)

**Tok Mad :** Yang banjir teruk yang saya tahu lah landa kampung ini dua ribu enam (2006) dengan dua ribu sebelah (2011) dimana bandar segamat tenggelam la [lah] dan kampung ini terlibat sekali la [lah].

**NSMZ :** Kebiasaannya berapa lamakah banjir berlaku dan tempoh yang diambil untuk surut sepenuhnya?

**Tok Mad :** Aaa tengok keadaan cuaca , kalau cuaca itu ada panas ada apa lebih kurang dalam habis lewat pun satu (1) minggu la [lah] dia akan mensurut la.

**NSMZ :** Berapakah kawasan yang terlibat?(budak menjerit)

**Tok Mad :** Dalam segi kampung ini yang terlibat ialah kampung tebing tinggi dan tanah banjir yang terlibat la [lah] yang untuk kawasan rendah.

**NSMZ :** Adakah kampung ini mempunyai pasukan keselamatan tersendiri?(budak menjerit)

**Tok Mad :** Buat masani [masa ini] takde [tiada]. (budak menjerit)

**NSMZ :** Berapakah anggaran kerugian yang dihadapi apabila berlakunya banjir?

**Tok Mad :** Ooo itu dia tengok dia punya segi kerosakan la [lah] tapi takde [tiada] melibatkan banyak la [lah]. Aa kalau misal kata makan, tanaman, rumah mungkin tak[ tidak] banyak la [lah] (budak menjerit) apa yang saya tahu lah. (orang menyembang).

**NSMZ :** Apakah bencana yang berkemungkinan berlaku di kampung ini berdasar kan bentuk muka bumi disini?

**Tok Mad :** Bencana buat masani kira kita menghadapi mungkin kemungkinan banjir yang akan datang la [lah] itu je [sahaja]. Lain-lain takde [tiada] buat masa ini.

**NSMZ :** Apakah masalah-masalah lain yang sering melanda penduduk kampung?

**Tok Mad:** Yang sering melanda penduduk kampung ini la [lah] musuh-musuh la [lah] musuh-musuh daripada binatang liar (budak menjerit)aaa yang buat masalah di kampung ini. Binatang liar yang dari segi lain takde[tiada] lah (budak menjerit)

**NSMZ : Adakah di kampung ini pernah berlaku kejadian jenayah besar seperti pembunuhan atau rompakan?**

**Tok Mad :** Aaaa masa ini, buat masa ini alhamdulillah la [lah] tiada la [lah] yang kata pembunuhan, rompakan besar takde [tiada] la [lah] alhamdulillah la [lah] kampung ini.

**NSMZ : Adakah kampung ini ada jawatan kuasa khas dari segi keselamatan misalnya rondaan malam oleh penduduk kampung? (budak menjerit)**

**Tok Mad :** Buat masani [masa ini] memang la [lah] kita tubuh kan satu (1) Jawatankuasa Khas (budak menjerit) untuk keselamatan kampung lah aaa meronda lewat malam memang ada lah. (budak menjerit).

**NSMZ : Di kampung ini ada sediakan sebarang bantuan misalnya untuk golongan yang tidak berkemampuan?**

**Tok Mad :** Aaa yang tiada kemampuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan bantuan Batulmal. Tu [itu] jala [sahaja] yang ada ,

**NSMZ : Kampung ini ada melakukan aktiviti gotong royong?**

**Tok Mad :** Buat masani [masa ini] ada kita buat gotong-royong (budak menjerit) setahun kita buat dalam empat (4) kali la [lah].

**NSMZ : Selalunya yang menyertainya golongan-golongan muda ataupun veteran?**

**Tok Mad :** Yang ambik bahagian (budak menjerit) itu campur lah (budak menjerit) ada golongan veteran ada golongan pemuda.

**NSMZ : Biasanya jika ada majlis seperti kenduri (budak menjerit) di manakah selalunya di adakan?**

**Tok Mad :** Aaa biasanya kita adakan dekat masjid la [lah]. (budak menjerit)

**NSMZ: Adakah kampung ini mempunyai adat tersendiri?**

**Tok Mad :** Adat-adat itu takde [tiada] lah kita ikut apa yang anu [merujuk sesuatu] agama suruh itu yang kita buat adat-adat (budak menjerit) memang takde [tiada].

**NSMZ: Ada sebarang dialet digunakan (budak menjerit) ?**

**Tok Mad :** Buat masa ini takde [tiada] ,pasal apa semua penduduk kampung ini asal (budak menjerit) orang johor jadi takde [tiada] la [lah] orang kampung loghrat- loghrat lain takde [tiada]. (budak menjerit)

**NSMZ :** Adakah terdapat apa-apa jenis makanan traditional yang menjadi menu wajib kenduri mahupun majlis yang terdapat di kampung ini?

**Tok Mad :** Buat masa ini menu buat kenduri kendara ka [kah] apa (budak menjerit) macam biasa ja [sahaja] lah takde [tiada] special [istimewa] lah. Yang biasa kita makan hari-hari. (budak menjerit)

**NSMZ :** Kampung ini pernah terima apa-apa anugerah?

**Tok Mad :** Buat masa ini semasa saya pegang ini, buat masa ini masih tiada lagi lah apa-apa anugerah .

**NSMZ :** Siapakah anak jati kampung ini yang berjaya dan dikenali oleh orang ramai?

**Tok Mad :** (budak menjerit) Allah nak cakap tak [tidak] tahu lah tapi memang ada lah tapi buat masa ini saya tanpa pengetahuan saya memang ada lah tapi yang saya tahu lah semua sudah berhijrah keluar daripada kampung ini (bunyi kertas)?

**NSMZ :** Apakah keistimewaan dan keunikan Kampung Tebing Tinggi?

**Tok Mad :** Keistimewaan Kampung Tebing Tinggi ini pertama sekali itu lah hasil sungai la [lah] kampung ini dekat dengan sungai jadi hasil-hasil sungai itu lah keistimewaan diorang datang kemari aaa yang kedua nya kita dapat lah bantuan dari kerajaan yang memberi seperti boot, alat-alat pancing alat-alat memancing ke menangkap ikan itu ja [sahaja] lah yang kita dapat di dalam kampung ini. (bunyi burung)

**SHA :** Pernah berlaku tak [tidak] trajedi berkaitan sungai?

**Tok Mad :** Buat masa ini tak [tidak] da [ada] lah tragedi apa-apa lah. Tapi hasil pengetahuan macam saya dulu, masa dulu ada yang itu penduduk mati lemas yang saya tahu kat sungai ini.

**SHA :** Sungai digunakan sebagai social ekonomi penduduk boleh tok ceritakan situasi pada zaman dahulu sungai itu di gunaakan?

**Tok Mad :** Dulu pertama sekali. kampung ini takde [tiada] jalan raya jadi utamanya sungai jalan utama. Selepas itu, yang kedua membawa barang-barang untuk dijual

jadi menggunakan sungai dan jugak [juga] perahu itu dia masa dulu la [lah] sebelumnya ada jalan raya, sebelumnya ada kedai-kedai jadi situ lah tempat diaorang yang utama lah. Aaa Jalan sungai .

**SHA : Adakah kini sungai itu masih digunakan?**

**Tok Mad :** Aaa buat masa sekarang ini sungai itu digunakan lah untuk aaa mencari hasil sungai la [lah] menangkap ikan (suara kanak-kanak) memasang jaring mukah. Itu lah buat masa sekarang ini.

**NSMZ : Dikawasan manakah di dalam kampung ini yang mengalami perubahan besar dari segi teknologi dan pembangunan?**

**Tok Mad :** Aaa di kampung ini di, di belah jalan utama lah jalan utama buat masa ini ada sebuah sekolah rendah dan juga terdapat alat apa talian internet aaa disekolah ini di kampung ini lah di sekolah lah dan juga anu [merujuk kepada sesuatu] penempatan yang lain-lain la [lah] seperti balai raya. kemudahan-kemudahan lah.

**SHA : Adakah semua boleh menggunakan talian dan kemudahan yang digunakan?**

**Tok Mad :** Kemudahan yang disini. Pasal apa kawasan muka bumi kampung ini ada bukit ada, paya ada lurah apa semua jadi kawasan internet ini tak [tidak] berapa nak clear [jelas] tak jelas la jadi yang berdekatan itu mungkin dapat jelas la [lah] internet yang ada kita cuba mintak aaa daripada kerajaan untuk menambah untuk aaa menara internet dulu kita ada mintak kampung tanpa wayar pastu [selepas itu] dia, dia beritahu kampung tanpa wayar buat masani [masa ini] dah [sudah] tiada lagi jadik [jadi] gunakan pencawang jadik [jadi] dia akan bina lah tapi tak [tidak] tahu bila. Dia cuma beritahu saya dia akan bina dalam kampung ini ada dua (2) tempat dia nak bagi laluan internet buat masa ini belum ada lagi keputusan kerajaan .

**NSMZ : Apakah menjadi faktor kepada orang luar dari kawasan ini untuk menetap disini?**

**Tok Mad :** Faktor dia kalau orang luar datang ni [sini] saya ingat orang luar buat masa ini memang takde [tiada] yang ada anak-anak kampung yang berada di luar dia akan membina rumah lah disini aaa sebab laluan pon dah [sudah] elok ada Lebuhraya an daripada Segamat aaa jadi dah dekat sikit lah aaa jadik [jadi] dalam kita akan mohon kepada jabatan. Diaorang [mereka] dalam perbinaan tapi dalam process pada kerajaan untuk mendekat dengan bandar.

**NSMZ : Seterusnya berkaitan dengan pendidikan. Secara puratanya adakah penduduk kampung ini mendapat pendidikan yang sepatutnya?**

**Tok Mad :** Buat masa ini alhamdulillah lah dari segi pendidikan lah sebab apa daripada sekolah rendah lepas itu ke menengah lepas itu ada yang belajar IPTA, IPTS pon ada jadi disitu lah dia punya kemudahan sebab apa kita dekat dengan ini an UITM Segamat, kata bertuah lah budak segamati ni ada UITM aaa jadik [jadi] dapat lah sambung pengajian tinggi di situ lah anak-anak tempatan belajar menambah ilmu pengetahuan.

**NSMZ : Masih adakah anak-anak sekarang yang tercicir pelajarannya?**

**Tok Mad :** Buat masa ini alhamdulillah takde [tiada] yang tercicir lah sebab dia akan mendapat bantuan daripada pihak kerajaan dari segi ada yang OKU sekarang ini kerajaan dah [sudah] bagi kemudahan untuk belajar jadi buat masa ini takde [tiada] tercicir .(bunyi kertas).

**NSMZ : Adakah sekolah disini menyediakan infrastruktur yang cukup, selesa kepada pelajar?**

**Tok Mad :** Buat masa ini cukup lah alhamdulillah cukup atas bantuan kerajaan semua. Apa-apa aktiviti peralatan-peralatan sekolah akan di tanggung sepenuhnya lah. Memang ada.

**NSMZ : Adakah sebarang kemudahan dan usaha yang disediakan untuk meningkatkan taraf pendidikan penduduk kampung?**

**Tok Mad :** (suara budak) Buat masa ini untuk naik taraf pendidikan kampung cuma ini lah dia pergi ke belajar yang boleh bantu di, di dapat tawaran belajar. Aaa ada yang luar negara ada dalam Negara aaa ada la [lah] jugak [juga] apa ini dapat tawaran luar Negara seperti Cina .

**NSMZ : Adakah sebarang kelas mengaji atau komputer disediakan?**

**Tok Mad :** Aaa Kelas mengaji memang ada tiap-tiap minggu. Kampung ini bertempat di masjid Kampung Tebing Tinggi itu (bunyi bising) hari jumaat aaa ada guru yang mengajar. Ada kelas-kelas tazkirah selepas maghrib ada jugak di adakan di masjid (bunyi orang buat rumah)



**NSMZ : Adakah penduduk sini yang menjadi guru? (bunyi orang buat rumah)**

**Tok Mad :** Aaa ada yang jadi guru ada aaa Jabatan-Jabatan lain pon ada. Insha allah la [lah] anak-anak kampung ini memang ada.

**SHA : Pada pengetahuan tok di kampung ni ada terdapat apa-apa sejarah atau mitos ?**

**Tok Mad :** Sejarah yang saya tahu lah disini ada dulu kita takde Rumah Pasung pastu ada Rumah Pasung. Di tebing sungai tebing tinggi dan jugak terdapat kubur Sheikh Al-Magribi berada di belakang rumah imam itu ja [sahaja] lah yang saya tahu lah.

**SHA : Adakah cadangan untuk mewujudkan kembali rumah pasung itu?**

**Tok Mad :** Buat masa ini memang takde [tiada] lah sebab dulu sebelum ada nya Balai Polis disitu lah tempat-tempat Rumah Pasung itu di, di pusat di tempat kan. Tapi bila kita telah berpindah kepada tempat yang baru jadi di situ tiada Lagi Rumah Pasung di Kampung Tebing Tinggi ini dia akan berpindah pada kat Pekan Jementah aaa itu ar [lah]...

**SHA : Tok ada lagi cerita lain berkaitan kampung yang menjadi buah mulut orang?**

**Tok Mad :** Ooo Buat masani [masa ini] takde [tiada] lah. Jadi buah mulut orang takde [tiada] lah. Takde [tiada] pape [apa-apa].

**SHA : Tok ada simpan gambar keratan akhbar yang berkaitan dengan kampung tebing tinggi ini?**

**Tok Mad :** Gambar-gambar takde [tiada] tapi profile kampung ada, profil kampung dalam itu adalah lebih kurang sejarah dia serba sedikit lah pasai [mengenai] kampung. Ada profile kampung.

**SHA : Ini soalan terakhir boleh tok bagi sepatah dua kata?**

**Tok Mad :** Saya mengucapkan terima kasih kepada pelajar untuk menemuramah kampung, serba sedikit saya tahu saya akan memberikan berkerjasama dengan beliau. Jadi itu saja yang dapat saya berikan pada pengetahuan saya itu lah sekian. Assalamualaikum w.b.t.



**Demikian tadi wawancara bersama Encik Mohamad Bin Ali, Ketua Kampung bagi Kampung Tebing Tinggi Segamat Johor. Kami pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Segamat Johor ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian encik mohamad bin ali dalam memberikan maklumat dan berkongsi pengalaman yang sangat berharga bersama kami semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta seterusnya jenerasi akan datang. Sekian terima kasih.**

**TAMAT.**

# **LOG WAWANCARA**

## 6.0 LOG WAWANCARA

### SESI PERTAMA: IMAM

MASA	PERKARA	MAKLUMAT
00:57	Nama orang sumber	Tuan Haji Hassan Bin Raja Atan
01:05	Nama panggilan	Imam Hassan
01:19	Usia Tuan Haji Hassan	80 tahun
02:32	Tahun mula datang ke kampung	Tahun 1999 setelah ditemukan jodoh dengan isteri.
03:22	Tempoh menetap	48 tahun
04:59	Bilangan adik beradik	2 orang adik beradik.
05:56	Latar belakang keluarga	Isteri dahulu pernah menjadi bidan kampung dan Imam juga pernah menjadi seorang guru di Sekolah Cina.
07:20	Nama ayah imam	Raja Atan Bin Raja Ismail
07:24	Nama ibu imam	Mah Binti Abdul Manan
08:24	Nama isteri imam	Puan Hajah Rahmah Binti Haji Idris
08:46	Umur isteri	78 tahun
09:26	Bilangan anak imam	8 orang
12:51	Latar belakang pendidikan imam	1948- 1956 Sekolah Melayu Buloh Kasap
14:09	Selepas tamat belajar	Dipilih sebagai seorang guru di Sekolah Cina Buloh Kasap mengajar bahasa melayu
17:45	Jawatan di kampung ini	Imam Masjid Kampung Tebing Tinggi
24:58	Pemberi nasihat dan motivasi	Ketua kampung ini dan tok penghulu Mukim Jementah
25:39	Nama kampung	Kampung Tebing Tinggi
25:45	Kampung mendapat nama	Daripada satu tebing yang sangat tinggi tepi sungai Muar dan kalau berdiri atas tebing itu ada nampak Bandar Segamat.
28:25	ketua kampung sekarang	Mohamad Bin Ali
31:57	Majoriti penduduk awal berasal	Berasal daripada daerah Segamat
33:38	Kemudahan kampung	Kenderaan
34:12	Masa diambil untuk ke bandar	20 minit
35:40	Bencana	Masalah banjir
36:18	Faktor utama menyebabkan banjir	Sungai belum dikorek
36:55	Banjir teruk berlaku	Tahun 1970
39:26	Pasukan keselamatan di kampung	Rela
40:14	Persatuan di kampung	Siasah Pemuda UMNO
	Tujuan persatuan ditubuhkan	Membantu penduduk kampung
44:06	Sekolah terdekat	Sekolah Kampung Bukit Tunggal
44:11	Masa diambil untuk ke sekolah	10 minit
	Anak jati kampung yang berjaya	Dato Haji Syukur Bin Haji Jaapar Mohamad Zamri Hassan

<b>Masa</b>	<b>Pekara</b>	<b>Maklumat</b>
<b>46:52</b>	Mitos kampung Tebing Tinggi.	Makam Sheikh Al Maghribi.
<b>53:42</b>	Tarikh makam wujud	Tidak mempunyai tarikh
<b>54:14</b>	Kepercayaan orang kampung.	Buat masa sekarang tiada lagi.
<b>54:44</b>	Kenapa mereka mempercayainya.	Sebab makbul permintaan mungkin kebetulan Allah Taala izinkan.
<b>56:16</b>	Tindakan imam mahupun ketua kampung	khidmat nasihat
<b>57:21</b>	Balai di kampung tebing tinggi.	Rumah Pasung yang pertama dalam Daerah Segamat
<b>57:51</b>	Maksud rumah pasung	Mengawal
<b>58:59</b>	Hadapan rumah imam terdapat sebatang sungai.	sungai muar
<b>59:40</b>	Cerita lain berkenaan sejarah atau mitos kampung	Cendiakawan islam.
<b>01:01:35</b>	Asal usul masjid kampung tebing tinggi	Tebing yang tinggi yang menampakan Bandar Segamat.
<b>01:04:35</b>	Kemudahan yang terdapat di masjid	Kelas mengaji al-quran
<b>01:06:51</b>	Usaha yang untuk meningkatkan penduduk di sini untuk datang mengaji.	Bermesyuarat
<b>01:07:52</b>	Kenapa penduduk di sini kurang penglibatan dalam aktiviti di masjid?	Ibu bapa tak mengambil berat
<b>01:10:41</b>	Apakah keistimewaan Kampung Tebing Tinggi?	Musim buah Dijelmakan serangkap pantun.
<b>01: 12: 31</b>	Di bawah kampung tebing tinggi terdapat berapa buah kampung	Dua tiga tempat berbeza tetapi di bawah kampung Tebing Tinggi.
<b>01: 13: 27</b>	Imam bagi sepatah dua kata	Ucapan terima kasih Harapan

**LOG WAWANCARA**
